

فتيحتن تيتاه

PETIKAN TITAH

"Di BIDANG perusahaan, usaha-usaha sedang berjalan untuk menimbulkan keyakinan pengusaha-pengusaha tempatan dan luar negeri, supaya mereka itu dapat bergiat dengan cergasnya di negara ini. Maka ke arah ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah, meningkatkan kualiti dan daya saing bahan-bahan keluaran negara." - Titah Hari Keputeraan Baginda Ke-53 Tahun, 1999.



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

مايسن ايمان

MANISNYA IMAN

"SEORANG peniaga yang amanah dan jujur akan dimasukkan dalam kumpulan para nabi, orang-orang jujur, para syahid yang salih." - Hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

TAHUN 45 BILANGAN 32 RABU 9 Ogos, 2000 / 1421 رابو 9 جمادي الأول، PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI: (02) 383941/(02) 383804 Faks: (02) 381004/(02) 380507

Kebawah DYMM kurniakan bintang kebesaran



BERANGKAT KE MAJLIS MERAIKAN BAGINDA ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima pesembah yang berupa sebilah keris yang disembahkan ke hadapan majlis baginda oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Shari. Majlis berlangsung di Dewan Assarraf. - (Cerita lanjut muka 8 dan 9).



BINTANG ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B) kepada Awang Haji Khalid bin Haji Ghazali.

Oleh Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 218 orang penerima yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan, kakitangan kerajaan dan pihak swasta.

Istiadat pengurniaan bintang-bintang kebesaran itu berlangsung di Istana Nurul Iman sempena Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun.

Berangkat ke istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Mendahului senarai penerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B) ialah Awang Haji Khalid bin Haji Ghazali dan Awang Haji Mustafa bin Haji Abdul Rahman.

Seorang menerima Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga, iaitu Awang Gerald Anthony Asheroft. Sementara 35 orang menerima Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B).

Manakala Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Keempat (S.U.B) diterima oleh seramai 20 orang, 146 orang menerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B) dan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kelima (P.U.B) diterima oleh seramai 14 orang.

Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimulakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Utama kebersihan - titah

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 6 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha bertitah, keindahan dan kebersihan alam sekitar itu dapat menjamin kualiti kehidupan yang tinggi dan dapat dinikmati oleh seluruh lapisan anggota masyarakat.

Bertitah di Majlis Perasmian dan Penyampaian Hadiah Pertunjukan Bunga-bunga Hidup serta Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap, baginda memberikan jaminan bahawa usaha pada mewujudkan suasana persekitaran yang bersih lagi indah, memang merupakan usaha yang berterusan oleh pihak-pihak berwajib di negara ini.

Namun demikian, baginda menegaskan tidaklah bermakna pula usaha-usaha pada mengekalkan keindahan alam sekitar dan menjaga kebersihan itu, hanya menjadi tugas dan tanggungjawab pihak-pihak tertentu sahaja.

"Malahan yang semestinya menjadi tanggungjawab kita semua, kerana negara yang bersih dan indah bermula dari rakyat dan penduduknya yang sentiasa mengutamakan kebersihan, kesihatan dan keindahan alam di sekeliling mereka," tegas baginda.

Baginda penuh percaya, alam sekitar yang bersih dan indah itu, baik di sekitar rumah, mahupun di tempat-tempat awam, bukan saja menjadi kebanggaan kita, bahkan juga akan menjadi daya penarik bagi pelancong-pelancong luar negeri melawat negara ini.

Sebaliknya, alam sekitar yang tidak terjaga dan dikotori oleh berbagai-bagai pencemaran, titah baginda, akan menjiskan nama baik dan imej negara yang akan merugikan masyarakat dan negara.

"Usaha-usaha pembangunan yang pesat akan menjadi sia-sia, jika dalam masa yang sama, kualiti kehidupan tidak dijaga, dan terjaga oleh keadaan alam sekitar yang diabaikan.

"Beta menaruh harapan agar usaha-usaha yang dibuat melalui acara seperti yang diadakan pada hari ini, akan dapat memberikan panduan dan menimbulkan minat serta kesedaran, mengenai mustahaknya cara hidup yang bersih dan sihat dijamin, dengan alam sekitar yang indah," tegas baginda melahirkan keyakinan sebelum mengakhiri titah.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Noor Ehsani.



Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 4 Ogos. - Memberikan tumpuan ke atas penjagaan kesihatan kanak-kanak adalah satu tugas dan tanggungjawab yang perlu tidak diabaikan oleh ibu bapa dan penjaga kanak-kanak.

Duli Yang Teramat Mulia sebagai satu tanggungjawab yang berterusan, ialah adalah merupakan sebagai satu tanggungjawab yang berterusan yang bermula dari peringkat kanak-kanak masih dalam kandungan, selepas dilahirkan sehingga mereka menjadi dewasa.

"Ibu-ibu dan penjaga kanak-kanak perlu mempunyai kefahaman dan pengetahuan yang terkini tentang cara penjagaan kanak-kanak damit, lebih-lebih lagi tentang masalah yang berkaitan dengan penyakit dan kesihatan kanak-kanak," tegas Duli Yang Teramat Mulia ketika bersaba dalam Peraduan Kanak-kanak Sihat bagi Daerah Brunei dan Muara hari ini.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya menekankan perlunya para ibu dan penjaga kanak-kanak mengambil tahu mengenai dengan penyakit-penyakit yang sering menjangkiti anak-anak damit dan cara-cara penjagaan yang diperlukan.

"Dalam waktu yang sama, sebagai persediaan pencegahan anak-anak damit dan anak-anak yang sudah membesar daripada dijangkiti sebarang wabak kuman dan virus, ibu-ibu dan penjaga kanak-kanak perlu mengikuti maklumat kesihatan dan perubatan melalui media massa dan elektronik termasuk Internet mengenai sebarang wabak penyakit yang melanda kesihatan kanak-kanak.

"Dengan cara demikian mereka dapat menghindari sebarang jangkitan dan dapat meningkatkan rawatan-rawatan yang diperlukan," demikian tegas Duli Yang Teramat Mulia seterusnya.

Berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini, Duli Yang Teramat Mulia sekali lagi mengingatkan para ibu bapa dan penjaga

Jangan abai t-jawab - sabda

supaya memberikan kasih sayang yang berterusan kepada anak-anak sehingga mencapai umur dewasa.

"Saya penuh yakin, apabila ibu bapa dan masyarakat pada umumnya di Negara Brunei Darussalam dapat memberikan tumpuan sepenuhnya dalam penjagaan kesihatan kanak-kanak dan memberikan belaian kasih sayang yang berterusan, kita akan dapat mewujudkan generasi yang sihat, penuh bertanggungjawab dan mempunyai keyakinan dan kecermerlangan diri.

"Insya-Allah, kita juga akan dapat mengatasi gejala-gejala sosial di kalangan belia dan remaja secara berterusan," sabda Duli Yang Teramat Mulia melahirkan keyakinan.

Juga berangkat ke majlis ini ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain.

Peraduan Kanak-kanak Sihat ini merupakan salah satu acara yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Dianjurkan oleh Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun dan dikelolakan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negara Brunei Darussalam (WI).



PELITA BRUNEI
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

9 OGOS, 2000 BERSAMAAN 1421

9 جمادى الأول

Dari Sidang Pengarang

دغن نام الله يغمها
ثموره دان مها قبايغ

KAD PENGENALAN PINTAR KUNCI KEPADA 'E-GOVERNMENT' DAN 'E-COMMERCE'

PADA 15 Julai, 1999, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengumumkan 'sedikit masa lagi penggunaan kad pintar yakni 'smart card' akan dimulakan.

Kad pintar 'smart card' yang baginda titahkan untuk digunakan itu telah pun dilancarkan yang dinamakan Kad Pengenalan Pintar (K.P.P) pada 29 Julai, 2000. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ketika berucap melancarkan kad pengenalan baru jenis kad pintar telah berkata bahawa cara umumnya pentadbiran awam di negara kita telah maju setapak lagi dalam memodenkan sistem pengurusan maklumat, sesuai dengan kemajuan teknologi maklumat yang terkini. Yang Berhormat juga seterusnya menyeru semua jabatan kerajaan supaya sama-sama memanfaatkan penggunaan Kad Pengenalan Pintar dalam urusan dengan orang ramai.

Negara Brunei Darussalam adalah merupakan negara pertama di dunia yang menggunakan teknologi 'Smart Card' dan 'Biometric' dalam pengeluaran kad pengenalan bagi seluruh rakyat dan penduduk.

Pendaftaran semula (re-registration) kad-kad pengenalan yang ada sekarang kepada Kad Pengenalan Pintar telah pun bermula pada 1 Ogos, 2000. Pendaftaran semula kad pengenalan ini akan melibatkan kira-kira 325,605 pemegang kad pengenalan lama dan akan memakan masa selama 15 bulan iaitu sehingga bulan Oktober 2001.

Kad Pengenalan Pintar (K.P.P) mempunyai mutu dan teknologi tinggi serta ciri-ciri keselamatan bagi mengelakkan pemalsuan. K.P.P adalah merupakan kunci atau infrastruktur kepada 'Electronic Government' dan 'Electronic Commerce'. 'Capacity' chip yang terdapat di dalam K.P.P. ini ialah lapan kilo bytes. 4.5 kilo bytes adalah digunakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, sementara 3.5 kilo bytes adalah bagi keperluan agensi-agensi kerajaan yang memerlukan maklumat tambahan.

Kad Pengenalan Pintar yang diusahakan bagi menjimatkan perbelanjaan serta bagi peningkatkan pentadbiran kerajaan adalah juga diharapkan bagi menjadi kebanggaan kepada setiap pemiliknya, terutamanya rakyat dan penduduk di negara ini. Kejayaan dan kelancaran proses penukaran kad pengenalan lama kepada K.P.P. ini adalah sebahagian besarnya bergantung kepada para pemegang kad pengenalan.

Dalam hubungan ini kita menyeru kepada semua pemegang kad pengenalan lama agar memberikan kerjasama dalam proses penukaran kepada Kad Pengenalan Pintar. Kita perlulah bersabar, bertimbang rasa serta patuhilah arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Akhirnya kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak terutama Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang telah mengusahakan projek Kad Pengenalan Pintar.

Bagi menghasilkan reka seni dan kraf tangan menarik

Usahakan dari peringkat sekolah

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, Tuhan seru sekalian alam. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat dan sahabat-sahabat Baginda yang taat setia lagi jujur, hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita hadir beramai-ramai dalam majlis yang berkebakikan ini, iaitu Majlis Pameran Urusan Rumah Tangga Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54.

Beta dengan tulus ikhlas sukacita mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak penganjur Majlis Pameran Urusan Rumah Tangga ini kerana sekali lagi dapat mengadakan pameran yang dapat menunjukkan hasil-hasil ciptaan tempatan yang bermutu dan menarik.

Walau pun usaha seperti ini diadakan secara berkala atau bermusim, iaitu bersempena dengan sambutan-sambutan perayaan yang tertentu, akan tetapi ia jelas menampakkan kemampuan kaum wanita kita pada menghasilkan reka seni dan kraf tangan yang menarik.

Perkara yang mustahak ialah bagi pihak-pihak berkenaan agar dapat memastikan bahawa reka seni dan daya cipta tersebut kekal mendapat tempat dalam hati masyarakat.

Kemajuan dunia hari ini ba-



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam di Majlis Pameran Urusan Rumah Tangga anjuran Jawatankuasa Pameran Urusan Rumah Tangga sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 pada hari Ahad, 30 Julai, 2000 bertempat di Goldstone Ballroom, Tingkat 7, Bangunan Centrepoint Gadong.

nyak dipengaruhi oleh bidang sains dan teknologi, khususnya teknologi komputer dan elektronik.

Namun demikian, beta percaya bahawa keindahan seni seperti yang dihasilkan melalui gubahan bunga dan seumpama-

PERKARA yang mustahak ialah bagi pihak-pihak berkenaan agar dapat memastikan bahawa reka seni dan daya cipta tersebut kekal mendapat tempat dalam hati masyarakat.

nya, dengan daya cipta dan ilham penggubahnya, akan masih mendapat tempat di hati kita, dan tidak mungkin dapat diganti oleh kepandaian komputer.

Walau bagaimanapun, hasil seni seperti itu akan hanya dapat berterusan dan bertahan lama, jika diiringi dengan ketekunan dan kesungguhan pihak-pihak yang berkenaan pada mengekalkan minat terhadapnya, melalui tunjuk cara dan bimbingan yang tersusun dan teratur.

Beta menaruh keyakinan bahawa usaha sedemikian ini, tambahan pula jika diadakan dari peringkat sekolah lagi, akan dapat mengekalkan minat di kalangan kaum wanita, untuk menjadikannya sebagai hobi yang sungguh berfaedah, bukan saja untuk menghias dan mencantikkan rumah, tetapi juga boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan.

Mudah-mudahan segala kegiatan yang dikendalikan itu akan mendapat ganjaran serta keredaan dari Allah Subhanahu Wataala jua.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Republik Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Sellapan Rama Nathan, Presiden Republik Singapura dan Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik Singapura bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Singapura, hari ini.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura. Baginda se-

terusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap Tuan Yang Terutama Tuan Sellapan Rama Nathan, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Singapura akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik

Singapura, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Republik Singapura sempena dengan Hari Kebangsaan Republik Singapura.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik Singapura akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-33 (AMM) di Bangkok



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan berangkat bersama menteri-menteri luar ASEAN yang lain di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) Kali Ke-33. Gambar atas kelihatan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Tuan Chuan Leekpai berucap bagi merasmikan mesyuarat tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan bergambar ramal bersama menteri-menteri luar ASEAN, sejurus selepas perasmian mesyuarat tersebut.



Gambar-gambar oleh Abdullah HAD

DULI Yang Teramat Mulia disembahkan kepada Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Tuan Chuan Leekpai di Majlis Kunjungan Muhibah bersama menteri-menteri luar ASEAN yang lain dan Setiausaha Agung ASEAN kepada Tuan Yang Terutama.



DULI Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna berangkat ke Majlis Santap Malam bersama-sama menteri luar ASEAN, Setiausaha Agung ASEAN dan semua delegasi ke mesyuarat itu yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Surin Pitsuwan dan Puan Alisan Pitsuwan.



DULI Yang Teramat Mulia mengadakan perjumpaan dengan Ketua Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pentadbiran Sementara di Timur-Timor, Tuan Yang Terutama Tuan Sergio Vieira de Mello; Pemimpin Kemerdekaan Timur-Timor, Tuan Xanan Gusmao dan Naib Presiden CNRT, Tuan Jose Ramos-Horta. Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-33 (AMM) di Bangkok



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Sesi PMC 10 + 1 (ASEAN + Australia).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berangkat ke Sesi PMC 10 + 1 (ASEAN + Amerika Syarikat).



PERSEPAKATAN TERJALIN Duli Yang Teramat Mulia bersama Menteri-menteri Hal Ehwal Luar Negara-negara ASEAN bergandingan tangan selepas Majlis Menandatangani dan Penutup Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-33.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bersalaman bersama Menteri Hal Ehwal Luar Papua New Guinea di Majlis Jamuan Tengah Hari yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Thailand.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna berangkat menghadiri Mesyuarat ASEAN + 3 (ASEAN + China, Jepun dan Korea).

Hubungan ASEAN - Australia

Tingkatkan kerjasama ekonomi

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.
Gambar-gambar oleh Abdullah HAD

BANGKOK, 28 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam bersabda bahawa Australia merupakan rakan dialog ASEAN yang agak lama dan telah menjalankan tanggungjawabnya begitu baik bukan sahaja dengan memelihara semangat persahabatan di antara Asia Tenggara dan negara berkenaan tetapi juga membekalkan dan bertukar pandangan yang membina dengan pelbagai isu yang berkaitan dengan rantau kita.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian di Sesi Mesyuarat PMC 10 (ASEAN) + 1 (Australia) yang diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di sini.

Duli Yang Teramat Mulia juga menekankan bahawa pencapaian hubungan antara ASEAN dan Australia telah berjalan lebih daripada 26 tahun lalu. Dalam tempoh tersebut, sabda Duli Yang Teramat Mulia, ASEAN mendapat manfaat hasil daripada hubungan dialog yang bukan sahaja meliputi kerjasama pembangunan tetapi juga hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi dan politik.

Program Kerjasama Ekonomi ASEAN - Australia sebagai contoh, telah dapat bertukar-tukar pandangan dan perbincangan yang begitu meluas terhadap isu-isu yang berkaitan dengan ASEAN dan membantu ASEAN mewujudkan hubungan yang berharga di kalangan institusi dan masyarakat kedua-dua belah pihak.

Melalui jalan serupa ini, sabda Duli Yang Teramat Mulia, ASEAN telah membina rangkaian kerja yang akan dapat membantu membangun keyakinan serantau dan meningkatkan lagi persefahaman di kalangan rakyat dan menghargai pandangan kedua-dua belah pihak.

Duli Yang Teramat Mulia juga melahirkan rasa gembira kerana telah sekian lama, Australia dan ASEAN telah menunjukkan komitmen yang berterusan dengan mengekalkan dialog terhadap isu-isu politik dan keselamatan di rantau ini.

Sehubungan dengan itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia, ASEAN sangat menghargai penglibatan aktif Australia yang berterusan dalam Forum Serantau ASEAN yang memberikan sumbangan yang bernilai bagi proses membina keyakinan.

Dalam pada itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia, ASEAN juga akan meneruskan yang berkaitan aktif Australia yang berterusan dalam Forum Serantau ASEAN yang memberikan sumbangan yang bernilai bagi proses membina keyakinan.

negara-negara lain di Asia Pasifik dan meningkatkan keadaan untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di rantau ini.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berharap ASEAN dan Australia akan dapat terus bekerjasama bagi meningkatkan hubungan antarabangsa di rantau Asia Pasifik.

Pengalaman yang lalu, sabda Duli Yang Teramat Mulia menunjukkan ahli-ahli ASEAN mempunyai kesanggupan untuk bekerjasama bagi memulihkan semula ekonomi serantau.

Dalam hal kerjasama perdagangan, Duli Yang Teramat Mulia melahirkan rasa puas hati bahawa hubungan AFTA-CER berjalan dengan lancar. Duli Yang Teramat Mulia bersabda ASEAN mengalu-alukan idea yang lebih meluas melalui persetujuan perdagangan serantau.

Sehubungan dengan itu, Duli Yang Teramat Mulia menyatakan bahawa langkah terbaru akan diambil untuk memastikan kemungkinan Australia dan New Zealand akan ditubuhkan kawasan perdagangan bebas antara CER dan AFTA.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berharap kesemua tujuan program baru bukan hanya untuk meningkatkan kemahiran masyarakatnya tetapi juga untuk meningkatkan perpaduan ASEAN.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia, antara bidang yang ASEAN beri keutamaan ialah Rancangan Tindakan Hanoi bagi mencapai objektif Wawasan ASEAN 2020. Dari itu adalah baik bagi ASEAN untuk melihat ASEAN dan Australia mengambil bidang utama dalam HPA sebagai renungan untuk mencapai program pembangunan baru.

Sebagai mengambil alih tugas Indonesia sebagai negara penyelaras bagi dialog antara ASEAN dan Australia, Duli Yang Teramat Mulia yakin ASEAN akan mengekalkan mereka untuk meneruskan bantuan dan kerjasama menyeluruh.

ASEAN akan melakukan segalanya untuk mengukuhkan hubungan rakan dialog dalam semangat kerjasama dan persahabatan, sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Terdahulu sebelum itu diadakan majlis menandatangani kemasukan Kemboja dan Laos dalam ASEAN 1980 dan Persetujuan Kerjasama Kesatuan Eropah.

Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-33 (AMM) di Bangkok



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam ketika mempengerusikan PMC 10 + 1 (ASEAN + New Zealand) (atas).

DULI Yang Teramat Mulia dan Menteri Hal Ehwal Luar dan Perdagangan New Zealand, Yang Berhormat Tuan Phil Goff memotong kek bersama di Majlis Meraihan Hari Ulang Tahun Ke-25 New Zealand Menjadi Rakan Dialog ASEAN (kiri).

ASEAN + New Zealand kongsi t-jawab

BANGKOK, 29 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam bersabda ASEAN telah mencapai lebih 25 tahun dan tiga tahun kebelakangan adalah yang lebih penting di mana ASEAN telah dapat menyaksikan pelbagai perubahan di Asia Tenggara dan keseluruhan di rantau Asia Pasifik.

Antara yang nyata, sabda Duli Yang Teramat Mulia ialah Pertubuhan ASEAN 10 seperti yang dibayangkan oleh pengasas ASEAN di Bangkok pada tahun 1967. Bersabda ketika mempengerusikan bersama sesi PMC 10 + 1 (ASEAN + New Zealand).

Di sesi berkenaan, New Zealand diwakili oleh Menteri Luar dan Perdagangan, Yang Berhormat Tuan Phil Goff.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda, seperti juga ahli-ahli ARF telah berkembang dan banyak mekanisme baru telah dibentuk.

Walaupun ASEAN mempunyai pengalaman kesukaran dalam bidang ekonomi dan politik sabda Duli Yang Teramat Mulia, ahli-ahli ASEAN telah meneruskan untuk mengambil

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA
Gambar-gambar oleh Abdullah HAD

pendekatan baru umpamanya Wawasan ASEAN 2020 dan Pelan Tindakan Hanoi bagi mengambil tindakan merealisasikan wawasan berkenaan.

Semua inisiatif berkenaan atas dasar New Zealand sebagai rakan dan sahabat bagi tindak balas untuk perubahan persekitaran politik, ekonomi dan sosial. ASEAN dan New Zealand telah berkongsi tanggungjawab untuk memikirkan sesuatu dengan mendengar dan menghargai pandangan setiap pihak.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, kejayaan hubungan dialog telah membolehkan ASEAN bekerjasama dengan New Zealand bertahun-tahun dalam pelbagai bentuk rangkaian kerja yang berguna sama ada melalui hubungan rasmi atau sebaliknya telah menambah penghargaan setiap ahli hubungan dua hala terutama melalui pertukaran lawatan antara ketua, pegawai kanan, kumpulan perdagangan dan orang awam.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya merasa bangga terhadap New Zealand bagi membantu proses ARF. Sidang forum berkenaan telah memberi

layanan baik untuk mengadakan pertemuan kerap antara pegawai-pegawai kanan dan peringkat menteri telah membantu semua orang merasa selesa antara satu sama lain dan membina sikap saling percaya mempercayai dan memerlukan persefahaman yang lebih terhadap keperluan dan kedudukan setiap orang.

Dengan semangat inilah sabda Duli Yang Teramat Mulia, ASEAN mengalu-alukan Republik Demokratik Rakyat Korea untuk menyertai ARF. Ini bermakna proses sekarang termasuk setiap Timur Asia dan Pertubuhan Asia Tenggara seperti Australia, New Zealand, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat akan lebih berkesan.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda, ASEAN juga telah menjemput semua rakan dialognya untuk memersetujui Kerjasama dan Perjanjian Persahabatan (TAC) dan dalam hubungan ini, ASEAN berbangga dengan tindak balas positif New Zealand.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda, inisiatif Kerjasama Pembangunan Lembah Sungai Mekong akan dapat meningkatkan perhubungan dan pengangkutan di antara ASEAN.

Oleh yang demikian, sabda Duli Yang Teramat Mulia, ianya telah membantu ahli-ahli baru ASEAN dalam usaha mereka untuk mencapai peringkat persaingan pembangunan di kalangan rantau ini.

Antara pembangunan penting yang mempunyai kaitan utama ASEAN dan New Zealand, sabda Duli Yang Teramat Mulia ialah kemahuan ASEAN untuk meningkatkan perhubungan AFTA-CER. Dari itu ASEAN merasa sukacita dengan perbincangan di kalangan menteri-menteri ASEAN dan CER kemungkinan untuk menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN - Hubungan Biasa Ekonomi (AFTA

- CER) Kawasan Perdagangan Bebas.

Duli Yang Teramat Mulia juga bersabda, bahawa ASEAN mengalu-alukan New Zealand dalam membantu ASEAN bagi Rangkaian Keselamatan Sosial. ASEAN, sabda Duli Yang Teramat Mulia bukan hanya memandang nilai tawaran tersebut tetapi juga memandangnya melalui peringkat keupayaan dan pengalaman seseorang yang diperlukan.

Seperti New Zealand sabda Duli Yang Teramat Mulia, ASEAN menempatkan pendidikan dan latihan adalah penting untuk mencapai kelayakan sumber manusia. Kesan sosial bagi krisis ekonomi telah meningkatkan keperluan segera yang ASEAN kehendaki bagi melangkah kerjasama teknikal bidang berkenaan.

Sesi PMC 10 + 1 dengan New Zealand tahun ini merupakan Hari Ulang Tahun Ke-25 New Zealand Menjadi Rakan Dialog ASEAN. Di akhir sesi,

Duli Yang Teramat Mulia menyerahkan jawatan Pengerusi Bersama kepada Tuan Yang

Terutama Profesor S. Jayakumar, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Singapura.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna berangkat di Sesi Tertutup bagi Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-33.



DULI Yang Teramat Mulia dan menteri-menteri luar ASEAN yang lain ketika menghadiri Menandatangani dan Penutup Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-33 (atas).

MENTERI Hal Ehwal Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Surin Pitsuwan menyerahkan surat kemasukan Kemboja dan Laos ke dalam ASEAN 1980 kepada Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Tuan Rodolfo Certeza Severino (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan berbual mesra dengan salah seorang menteri luar negara ASEAN di Majlis Santap Malam bersama para menteri luar ASEAN dan Forum Serantau ASEAN.

Dua kontrak ditandatangani

Penerokaan minyak, gas ditingkatkan

JALAN MENTERI BESAR, 29 Julai. - Negara Brunei Darussalam akan melaksanakan salah satu projek pengambilan data seismik tiga dimensi (3-D) terbesar di dunia di kawasan luar pantai negara ini yang mana teknologi tersebut memainkan peranan penting dalam penerokaan minyak dan gas.

Pengambilan data yang melibatkan kawasan seluas 10 ribu kilometer persegi di kawasan perairan dalam di luar pantai itu adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalak pertumbuhan di samping meningkatkan lagi kegiatan penerokaan minyak dan gas dengan memberi penekanan kepada penggunaan teknologi tinggi.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Unit Petroleum hari ini, Petroleum Geo-Services yang beribu pejabat di Houston dan Oslo telah diberi kontrak untuk melaksanakan projek yang akan bermula pada bulan depan dan dijangka berakhir pada tahun 2001.

Majlis penandatanganan kontrak projek tersebut berlangsung hari ini di Bilik Mesyuarat Padang Berawa, Jabatan Unit Petroleum.

Pengarah Unit Petroleum, Dato Paduka Awang Haji Ahmad menandatangani perjanjian itu bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sementara Petroleum Geo-Services

Oleh Bolhassan HAB

Asia Pacific Pte. Ltd diwakili oleh Awang Magne Reiersgard.

Sementara itu satu lagi perjanjian termeterai di antara pihak kerajaan dengan sebuah lagi syarikat swasta bagi mengendalikan pameran industri minyak dan gas yang dijadualkan diadakan pada bulan Oktober depan.

Menandatangani perjanjian Projek Pameran dan Promosi Petroleum juga telah disempurnakan oleh Pengarah Unit Petroleum, Dato Paduka Awang Haji Ahmad bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, manakala Perbadanan Transpower Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengerusi Eksekutifnya, Haji Ismail Damit.

Pameran itu nanti akan disertai oleh syarikat-syarikat tempatan yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan di bidang yang berkaitan dengan penerokaan minyak dan gas.

Kedua-dua perjanjian tersebut telah disaksikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hazair yang hadir selaku tetamu kehormat.

Negara Brunei Darussalam jalin hubungan diplomatik dengan Latvia



PESURUHJAYA Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom, TYT Dato Paduka Seri Yusof berjabat tangan bersama Duta Besar Republik Latvia ke United Kingdom, TYT Tuan Normans Penke selepas menandatangani Kenyataan Bersama. - Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

LONDON, 14 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Latvia mulai 14 Julai, 2000.

Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama penjalinan hubungan diplomatik itu telah diadakan di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di United Kingdom.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Yusof bin Haji Abdul Hamid, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom, sementara itu Republik Latvia telah diwakili oleh Tuan Yang Terutama Tuan Normans Penke, Duta Besar Republik Latvia ke United Kingdom.



MAJLIS Penandatanganan Kontrak Pengambilan Data Seismik Tiga Dimensi (3-D) antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang diwakili oleh Pengarah Unit Petroleum, Dato Paduka Awang Haji Ahmad dengan Petroleum Geo-Services Asia Pasifik Pte. Ltd, diwakili oleh Awang Magne Reiersgard. Hadir menyaksikan majlis itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hazair. - Gambar oleh Halim HS.

Jangan salahkan universiti

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 31 Julai. - Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam berharap para ibu bapa dan pelajar tidak akan menyalahkan pihak universiti jika anak mereka dan pelajar itu sendiri tidak mencapai ke tahap yang dihasratkan.

Dalam ucapan khas sempena Minggu Orientasi pelajar-pelajar baru bagi sesi 2000 - 2001, Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon menambah, kejayaan dan kegagalan seseorang pelajar itu bergantung kepada setiap pelajar itu sendiri.

"Sikap menyalahkan pihak lain ini perlu dihapuskan dan sebaliknya setiap mereka perlu memiliki pemikiran yang positif," tegasnya.

Menyentuh mengenai masalah mencari pekerjaan bagi para lulusan universiti sama ada dari dalam dan luar negeri yang berlaku ketika ini, Dato Paduka menegaskan soal mencari kerja itu merupakan soal kedua.

"Tugas pertama universiti ialah untuk memberikan pendidikan akademik kepada

mereka yang benar-benar berkeinginan dan berkecayaan," tegasnya lagi.

Majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa ini merupakan kemuncak acara orientasi bagi 1,156 pelajar baru yang mendaftar bagi sesi 2000 - 2001 di Universiti Brunei Darussalam iaitu peningkatan sejumlah 10 orang dari pengambilan tahun lalu.

Pelajar-pelajar ini adalah mereka yang terpilih untuk mengikuti berbagai program di peringkat ijazah sarjana muda, sarjana, sijil lepas ijazah, diploma serta sijil di bidang pendidikan, Pengajian Brunei, Pengajian Islam, Dasar Awam, Ekonomi, Kejuruteraan, Sains Komputer, Matematik, Pentadbiran Perniagaan dan lain-lain.

Antara aturcara yang telah disusun sepanjang Minggu Orientasi ini termasuklah Majlis Imarah Masjid, kempen kebersihan di asrama dan

Kubah Makam Diraja diselenggarakan dengan Majlis Bertablil, menderma darah dan ceramah motivasi.

Dengan kemasukan pelajar-pelajar baru ini menjadikan lebih 3,000 orang pelajar sedang mengikuti pengajian di universiti tersebut ketika ini.



SIKAP menyalahkan pihak lain perlu dihapuskan, jelas Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon. - Gambar oleh Harun HR.



PARA pelajar baru Universiti Brunei Darussalam membaca ikrar pelajar di Majlis Orientasi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Harun HR.

India berhasrat beli minyak, gas negara

Brunei sertai Pertandingan Penyampaian Bahasa Inggeris 2000

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 2 Ogos. - Negara Brunei Darussalam menyertai Pertandingan Penyampaian Bahasa Inggeris 2000 bagi Piala Ke-3 Asia Pasifik yang bermula 3 hingga 8 Ogos ini di Universiti Daiichi, Bandar Raya Dazaifu, Fukuoka Jepun.

Mewakili negara ke pertandingan itu ialah Dayang Khairunnisa binti Haji Mohd. Isa merupakan penuntut Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Pemilihan Khairunnisa untuk mewakili negara sebaik sahaja memenangi pertandingan penyampaian umum menengah atas antara kelas yang dijalankan oleh maktab tersebut.

Tajuk yang disampaikan ialah 'Perpaduan: Ke Arah Satu Rancangan Harmoni Antara Asia'.

Sebelum berangkat, majlis doa selamat telah berlangsung di ruang berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini, dibacakan oleh seorang pegawai Jabatan Ko-Kurikulum, Syeh Ahmad Syeh Abdou.

Selain Negara Brunei Darussalam, beberapa buah negara juga menyertai pertandingan tersebut yang antaranya terdiri daripada Republik Filipina, India, Mongolia, China, dan Malaysia. Bahasa Inggeris adalah merupakan bahasa kedua kepada negara-negara peserta.

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Julai. - India berhasrat membeli minyak mentah dan gas asli cecair negara ini berdasarkan permintaan masa depan bahan petro karbon dalam bidang perindustrian negara itu.


Pada masa ini, India hanya mampu membekalkan 30 peratus daripada keseluruhan permintaan 91 juta tan minyak setahun yang mana keperluan tersebut dijangka meningkat kepada 368 juta tan dalam bidang perindustrian bagi tempoh 25 tahun akan datang.

Demikian dijelaskan oleh Pengerusi Perbadanan Minyak India, Tuan Mohamed Asad Pathan semasa sidang media di pejabat Suruhanjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam hari ini.

Oleh Bolhassan HAB

Beliau yang mengetuai delegasi lapan perwakilan Kerajaan India serta sektor swasta utama dalam industri minyak dan gas bagi lawatan kerja tiga hari yang bermula 24 Julai adalah khusus untuk membincangkan pembekalan minyak dan gas ke negara yang mempunyai antara penduduk terbesar di dunia itu.

Antara atur cara lawatan delegasi tersebut termasuklah mengadakan perjumpaan muhibah dengan Pengarah Unit Petroleum, Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim di Pejabat Unit Petroleum dekat ibu negara pada 25 Julai lepas.



MENTERI Pembangunan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail ketika menerima kunjungan Pengerusi Perbadanan Minyak India, Tuan Mohamed Asad Pathan. Majlis berlangsung di Kementerian Pembangunan, Berakas. - Gambar oleh Amat HM.



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adanan ketika menerima kunjungan muhibah Pengerusi Perbadanan Minyak India, Tuan Mohamed Asad Pathan dan rombongan di Jabatan Perdana Menteri. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



PENGARAH Unit Petroleum, Dato Paduka Awang Haji Ahmad ketika memberikan taklimat kepada Pengerusi Perbadanan Minyak India, Tuan Mohamed Asad Pathan dan rombongan mengenai industri minyak di negara ini. - Gambar oleh Masri Osman.

Kenaikan pangkat, penetapan dan pertukaran 12 pegawai

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Julai. - Jabatan Perkhidmatan Awam memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pegawai-pegawai berikut:

Pengiran Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin, Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Perdana Menteri ditukar ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan dilantik sebagai Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mulai 15 Rabiulakhir, 1421/17 Julai, 2000; Dato Paduka Awang Haji Abu Bakar bin Haji Sapor, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ditukar sebagai Pegawai Pentadbir Kanan di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mulai 15 Rabiulakhir, 1421/17 Julai, 2000 dan Awang Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya di Jabatan Kerja Raya dilantik sebagai Pengarah Perumahan Perumahan di Jabatan Kemajuan Perumahan mulai 1 Jamadilawal, 1421/1 Ogos, 2000.

Pengiran Haji Othman bin Pengiran Haji Omar, Pengarah Perkhidmatan Teknikal di Jabatan Kerja Raya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya di Jabatan Kerja Raya mulai 1 Jamadilawal, 1421/1 Ogos, 2000;

Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Janudin, Pemangku Pengarah Institusi Kewangan di Kementerian Kewangan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah Institusi Kewangan di Kementerian Kewangan mulai 15 Rabiulakhir, 1421/17 Julai, 2000 dan Awang Hong Kok Seng, Pemangku Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa di Jabatan Perancang Bandar dan Desa ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa di Jabatan Perancang Bandar dan Desa mulai 28 Rabiulawal, 1421/1 Julai, 2000.

Dayang Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Ghani, Penguasa Kenaziran Pelajaran Ugama di Kementerian Hal Ehwal Ugama dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengarah Pengajian Islam di Kementerian Hal Ehwal Ugama mulai 28 Rabiulawal, 1421/1 Julai, 2000; Awang Haji Mohd. Salleh bin Abdul Latif, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan di Jabatan Penerangan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Timbalan Pengarah Penerangan di Jabatan Penerangan mulai 28 Rabiulawal, 1421/1 Julai, 2000 dan Awang Haji Daud bin Haji Duraman, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa di Jabatan Perancang Bandar dan Desa ditetapkan dalam jawatannya sebagai Timbalan Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa di Jabatan Perancang Bandar dan Desa

mulai 28 Rabiulawal, 1421/1 Julai, 2000.

Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin, Pegawai Bahasa Kanan di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka mulai 28 Rabiulawal, 1421/1 Julai, 2000; Pengiran Haji Osman bin Pengiran Haji Abbas, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas di Jabatan

Perdana Menteri dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Dewan Menteri mulai 28 Safar, 1421/1 Jun, 2000 dan Awang Haji Mohammad bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Perkhidmatan Awam ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Perkhidmatan Awam mulai 28 Rabiulawal, 1421/1 Julai, 2000.






PENGIRAN Haji Abdul Hamid dilantik sebagai Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.



PENGIRAN Haji Othman dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya.



AWANG Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal dilantik sebagai Pengarah Kemajuan Perumahan.



**ABDB R
HARI K
KEBAW**

JALAN BERAKAS, 5 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Melancong Sultan Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Mariam berkenan berangkat ke Majlis Meratapi

Majlis yang berlangsung di Dewan Assalam

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh
Datu Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat
Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia
Haji Suffi Bolkiah dan Yang
Teramat Mulia Paduka Seri
Duli Pengiran Muda 'Abdul
Malik.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umm Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Noor Ehsani.

Di majlis tersebut baginda berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama pegawai-pegawai ABDB dan seterusnya baginda berkenan memotong kek Hari Keputeraan.

Baginda yang juga selaku Menteri Pertahanan kemudiannya berkenan menerima pesembah berupa sebilah keris yang diperbuat daripada besi lama bersalut perak.

Keris merupakan salah satu warisan budaya masyarakat Melayu serta menjadi kemegahan dan kebanggaan bangsa bagi sesebuah kerajaan di Kepulauan Melayu.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tarian dan nyanyian oleh artis-artis tempatan dan luar negara, serta daripada para pegawai ABDB.

Sebelum berangkat balik, Kehawani Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani parchment keberangkatan.

KEBAWAHA
Sultan dan
perawai AF

DULI Yang
Seri Duli Pm

'Raja Pemedulian Mahkota Negara'

SIKAP kepimpinan baginda ini seharusnya menjadi contoh dan ikutan, kepada seluruh rakyat dan penduduk negara ini di dalam sama-sama membangunkan negara ke arah yang lebih produktif.

KITA selaku rakyat dan penduduk negara ini amat beruntung kerana mempunyai sultan sebagai 'Raja Berdaulat Payung Mahkota'. Kepimpinan sultan dalam menerajui Negara Brunei Darussalam telah membawa pelbagai puncak kejayaan kegemilangan bagi tamadun bangsa, agama dan negara.

Kehebatan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak dapat dinafikan. Kepimpinan baginda ini mengingatkan kita sejarah pemerintahan Sultan Bolkiah. Di mana semasa pemerintahan baginda, Negara Brunei Darussalam dikatakan telah mencapai zaman kegemilangan serta kemajuan.

Kita bukan sahaja taksuf kepada pemerintahan bersultan, tetapi keadaan realiti telah membuatkan kita sangat mengagumi pemerintahan bersultan, kerana di atas kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia inilah rakyat dan penduduk serta negara terus berjaya membawa kemakmuran, aman sejahtera, hidup bahagia serta pembangunan berkembang maju.

OLEH HAZIQAH FAKHRIYAH
BINTI MOHD. DAUD

Kita selaku rakyat dan penduduk negara ini seharusnya bersyukur di bumi bertuah ini dengan berketuakan sultan yang sentiasa memberikan perhatian serta pemedulian terhadap kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sama ada dalam negara atau masyarakat antarabangsa, sangat mengagumkan kepada kita, kerana jika kita melihat saiz dan kepadatan penduduk negara ini terlalu kecil berbanding dengan masyarakat antarabangsa. Kewibawaan kepimpinan baginda, baik dalam negara atau di dalam masyarakat antarabangsa, jelas memperlihatkan sebagai seorang 'Raja Pemedulian Mahkota Negara'.

Sikap kepimpinan baginda ini seharusnya menjadi contoh dan ikutan, kepada seluruh rakyat dan penduduk negara ini dalam sama-sama membangunkan negara ke arah yang lebih produktif. Baginda merupakan seorang pemimpin yang kuat pegangan agama serta bersikap prihatin terhadap rakyat dan penduduk negara ini.

Jika ditinjau dari segi penglibatan baginda dalam bidang sosial serta kebajikan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sering menjadi tumpuan, apabila turun sahaja bercemar duli dalam sebarang acara yang melibatkan interaksi bersama dengan rakyat. Keberangkatan baginda menemui rakyat disertai junjung ziarah adalah merupakan salah satu fenomena dan sudah menjadi teradat bagi masyarakat kita di Negara Brunei Darussalam.

Dalam waktu yang sama, keberangkatan baginda untuk bersama rakyat jelas memperlihatkan wujudnya satu hubungan yang rapat antara rakyat dengan kuasa tertinggi dalam kerajaan iaitu di antara yang memerintah dengan yang diperintah. Kelaziman seumpama ini cukup jelas untuk membayangkan hubungan rakyat dan penduduk bersama baginda. Satu hubungan yang erat dan padu yang membahukan suasana harmoni dan aman damai.

Di samping itu kesejahteraan rakyat baginda tidak diabaikan. Baginda dari masa ke semasa sentiasa mengambil berat tentang permasalahan yang dihadapi oleh rakyat baginda sama dari segi penghidupan, perumahan dan sebagainya.

Pengalangan baginda terhadap kesejahteraan dan penghidupan rakyat yang amat ketara

sekali ialah dengan penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, yang merupakan sebuah yayasan yang akan melaksanakan adalah salah satu daripada projek-projek yang diunkayahkan bagi mencapai tujuan tersebut.

Selain dari itu juga keberangkatan baginda itu adalah merupakan satu kesempatan dan peluang yang sangat berharga bagi diri kita selaku rakyat bagi sama-sama melahirkan rasa muhibah dan kasih sayang serta dengan lawatan demikian, baginda bukan sahaja dapat mendekati rakyat tetapi juga menyaksikan dengan lebih dekat lagi tentang apa sebenarnya yang mereka buat dan sumbangkan untuk bangsa dan juga negara.

Hubungan yang mesra dan erat itu pula telah menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara. Ini terbukti, di mana apa juga jenis rancangan-rancangan kemajuan dan kejayaan negara yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan telah berjalan dengan lancar sebagaimana menurut yang telah dihasratkan dan ianya mendapat sokongan dan dukungan yang padu dari seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Tetapi dalam hubungan ini, kita melihat yang lebih menyerlah ialah sikap pemedulian baginda yang sangat tinggi dalam memenuhi serta menjaga keperluan-keperluan rakyat dan penduduk negara ini. Keberangkatan baginda ini satu bukti pemedulian dan kepimpinan baginda, kerana setiap langkah raja yang adil bijaksana itu adalah pimpinan sebagai seorang 'Raja Pemedulian Mahkota Negara'.

Keberangkatan baginda Bersama Rakyat ke daerah-daerah, mukim-mukim dan kampung-kampung juga mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tersendiri dan memberi kesan yang mendalam di hati rakyat. Kesempatan dalam acara Bersama Rakyat ini juga memberikan peluang kepada kedua belah pihak beramah mesra.

Di samping itu, baginda juga berpeluang menyaksikan sendiri keadaan hidup rakyat setempat dan sejauh mana rancangan-rancangan negara berjalan atau berjaya memberikan kemudahan, kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk kampung, di samping itu baginda juga dapat meninjau secara dekat projek pembangunan dan kemajuan yang dilaksanakan di mukim-mukim atau kampung-kampung berkenaan.

Maka jelas, bahawa kegiatan baginda Bersama Rakyat sama ada di istana atau semasa junjung ziarah bercemar duli adalah penuh dengan kebijaksanaan dan kebajikan kerana di sana terserlah unsur-unsur kepimpinan baginda kepada rakyat dan negara.



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menemui rakyat dan penduduk negara ini di Majlis-majlis Bersama Rakyat di daerah-daerah memberi kesan yang mendalam di hati rakyat.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimulakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, ketika menyampaikan hadiah kepada seorang peserta qari yang berjaya memasuki Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan pada pertengahan bulan Ogos nanti. - Gambar oleh Harun HR.

Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan diadakan pertengahan Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Julai. - Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan akan dilangsungkan pada pertengahan bulan Ogos ini, bagi memilih wakil negara ke Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.



PENGERUSI pertandingan, Awang Haji Saifon menjelaskan, enam peserta terbaik dipilih memasuki peringkat akhir kebangsaan. - Gambar oleh Harun HR.

Sehubungan itu, pertandingan separuh akhir dilangsungkan di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di sini.

"Seramai 19 orang peserta menyertainya, dan 14 daripadanya telah memperdengarkan bacaan mereka di sebelah pagi dan lima peserta sebelah petang, dan 11 daripadanya adalah mereka yang terpilih dari suku akhir kebangsaan iaitu seorang johan qari bagi kementerian-kementerian dan seorang johan qari beliau-belia.

Oleh Haji Ahmad HS

Manakala enam lagi peserta yang telah berjaya memasuki pertandingan bahagian dewasa peringkat akhir nanti.

Pengerusi bersama pertandingan, Awang Haji Saifon bin Haji Besar berkata, johan qari dan qariah antara kementerian-kementerian dan johan qari beliau-belia pada tahun ini telah diserapkan ke dalam pertandingan peringkat separuh akhir kebangsaan.

Langkah tersebut, jelas beliau, adalah bagi memberikan pendedahan dan pengalaman kepada peserta tersebut sebagai

motivasi ke arah mencapai prestasi lebih meningkat di masa akan datang terutama dalam menyaingi pembaca-pembaca yang sudah berkaliber di peringkat kebangsaan.

Menurut beliau, dalam pertandingan itu, seramai enam peserta terbaik, tiga orang qari dan tiga qariah akan dipilih untuk memasuki peringkat akhir kebangsaan yang akan diadakan pertengahan bulan Ogos.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimulakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Jangan buang sampah ke dalam sungai

Oleh Aliddin HM

TEMBURONG, 13 Julai. - Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Ramlee bin Haji Jamuddin menyeru orang ramai terutama mereka yang tinggal dekat dengan sungai di Daerah Temburong ini agar tidak membuang sampah ke dalam sungai.

Beliau menambah, di Sungai Temburong ini terdapat banyak sampah sarap telah dibuang ke dalam sungai, ini menjejaskan dan mencemarkan lagi pemandangan dan persekitaran sungai itu sendiri.

Penolong Pegawai Daerah Temburong membuat seruan itu di Majlis Pelancaran Kempen Kebersihan anjuran Majlis Perundingan Mukim Bangar yang berlangsung di kawasan lapang Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan di sini.

Beliau berharap dan menyeru kepada orang ramai di daerah ini agar membuang sampah sarap mereka ke dalam tong-tong sampah atau membuangnya ke tempat yang telah disediakan untuk membuang sampah.

Melalui kesedaran cinta dan sukakan kebersihan dan keindahan alam sekitar merupakan nilai murni yang mesti dipupuk dan mesti ada dalam diri kita sendiri kerana kebersihan itu adalah bermula dari rumah kita sendiri, tambahnya.

Kempen yang diadakan pada hari ini jelasnya, bukan sahaja ditumpukan kepada acara-acara besar yang mengambil tempat di daerah ini tetapi ianya hendaklah dilakukan secara berterusan dan ianya menjadi titik-tolak kepada amalan yang berterusan bagi melahirkan suasana yang lebih bersih, indah dan harmoni.

Kesedaran ini amat penting diserapkan kepada semua peringkat masyarakat terutama kepada anak-anak dan beliau-belia kita betapa pentingnya kebersihan itu dalam hidup kita seharian, ujar beliau.

Terdahulu dari itu, Pemangku Penghulu Mukim Bangar, Awang Haji Yahya bin Haji Yakob berkata, adalah menjadi hasrat kita semua ingin melihat Mukim Bangar khususnya dan Daerah Temburong amnya akan sentiasa nampak bersih dan indah, lebih-lebih lagi dalam persiapan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Daerah Temburong pada 18 Julai sempena sambutan Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun.

Beliau menambah, di samping itu juga Daerah Temburong adalah destinasi pelancongan Tahun Melawat Brunei 2001 yang menjadi pintu masuk utama pelancong dalam dan luar negara.

Jika pekan kita bersih dan indah jelasnya, ianya akan memberi keselesaan kepada para pengunjung dan seterusnya akan memberi sambutan dan gambaran yang elok terhadap daerah ini.

Dengan adanya kempen seumpama ini kata beliau, sifat cintakan kebersihan akan dapat disemai dalam jiwa ahli masyarakat.

Lebih 100 orang telah menyertai kempen kebersihan ini yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Perkhidmatan Bomba, para penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar dan orang ramai yang tinggal dalam kawasan Mukim Bangar.

BERAKAS, 26 Julai. - Orang ramai di negara ini merasa sukar untuk mendapatkan buku-buku, khususnya berbentuk akademik dan buku yang terbaharu di toko-toko buku di negara ini.

Sungutan kesukaran itu juga mengaitkan tentang kebanyakan buku yang dijual oleh toko-toko buku tidak memenuhi cita rasa orang ramai.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku agensi kerajaan yang mengendalikan perpustakaan awam, hari ini telah mengadakan satu perjumpaan bersama toko-toko buku yang terdapat di negara ini yang berlangsung di DBP di sini.

Perjumpaan yang dipengerusikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Alidin itu telah menggariskan beberapa matlamat perjumpaan, termasuk mencari jalan untuk mengatasi kesukaran yang dihadapi oleh orang ramai untuk menda-

patkan buku-buku yang dikehendaki.

Dato Paduka dalam perjumpaan itu juga menyatakan terdapatnya sungutan orang ramai terhadap toko-toko buku yang mana sungutan dan komen berkenaan diperolehi melalui komen orang ramai melalui akhbar tempatan yang diterbitkan di negara ini.

Dalam komen orang ramai itu, terang Dato Paduka terdapat luahan rasa mengenai kebanyakannya buku-buku yang dijual tidak dapat memenuhi cita rasa orang ramai.

Oleh Haji Ahmad HS

"Adalah menjadi sukar bagi kita untuk mengetahui apakah sebenarnya jenis buku yang dikehendaki oleh orang ramai, kerana dalam komen itu tidak menyatakan apa sebenarnya buku yang paling sesuai yang dikehendaki," tegas beliau.

Dalam pada itu, terangnya, pihak DBP sering mengikuti perkembangan buku-buku terbaharu termasuk melalui Internet, yang mana kebanyakan

buku itu tidak terdapat di negara ini.

Dalam majlis itu, Dato Paduka juga mencadangkan mengenai penubuhan Persatuan Toko-Toko Buku yang mana, jelasnya, tujuannya adalah untuk menyatupadukan toko-toko buku yang bergiat sama dan bertukar fikiran cara untuk meningkatkan perkhidmatan bagi memenuhi permintaan orang ramai.

Salah seorang wakil penjual toko buku juga menjelaskan bahawa kekurangan pengimportan buku akademik dari luar negara, disebabkan buku-buku akademik telah diterbitkan sendiri oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Di samping itu, katanya, buku-buku terbitan terbaharu pihaknya juga sukar mendapatkan, kerana permintaan terhadap buku berkenaan terlalu sedikit sedangkan untuk mendapatkan buku itu dari segi kos adalah tinggi dibandingkan dengan harga sebenar buku berkenaan.

Masalah mengenai buku terbitan DBP pula katanya, sesetengah pihak sekolah tidak mahu membeli buku-buku terbitan DBP tersebut yang terdapat di kedai mereka.



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Alidin menggariskan beberapa matlamat perjumpaan dengan toko-toko buku yang terdapat di negara ini. - Gambar oleh Masri Osman.

Berniaga mata pencarian yang paling baik

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan bersungguh-sungguh mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa-apa jua larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keredaan-Nya jua.

Perniagaan adalah bidang penting yang termasuk dalam sektor ekonomi, para ahli fikah telah memberikan pengertian di antara lain:

Dalam kitab Al-Iqnak, perniagaan itu bermaksud pertukaran dalam bentuk wang dengan barang atau barang dengan barang dengan tujuan mendapatkan keuntungan.

Dalam Kitab Raddulmukhtar, perniagaan itu satu kontrak pertukaran barang dengan barang untuk mendapatkan keuntungan.

AMANAH DAN JUJUR

Dalam Al-Quran dan hadis banyak menyebutkan tentang syariat perniagaan itu, di antaranya firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 275 yang tafsirnya:

"Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba."

Manakala hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang maksudnya:

"Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

telah ditanya: "Apakah jenis mata pencarian yang paling baik?" Maka Baginda menjawab: "Hasil usaha sendiri dan setiap perniagaan yang bersih (dari tipu daya dan khianat)." (Riwayat Al-Bazar).

Dalam Islam perniagaan yang dijalankan berasaskan akidah dan hukum yang betul dan disertai dengan akhlak (etika) maka ia termasuk dalam konsep ibadat. Setiap ibadat ia diberi ganjaran yang setimpal di dunia dan di akhirat.

Bayangkan sahaja hadis-hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Seorang peniaga Islam yang amanah dan jujur akan dimasukkan dalam kumpulan orang-orang yang mati syahid di Hari Kiamat nanti."

Dalam riwayat yang lain yang maksudnya:

"Seorang peniaga yang amanah dan jujur akan dimasukkan dalam kumpulan para nabi, orang-orang jujur, para syahid yang salih."

KEDUDUKAN TINGGI

Maka jelaslah kepada kita perniagaan itu mendapat kedudukan martabat tinggi di sisi agama. Kerana dengan adanya perniagaan itu memberi implikasi terhadap nasib baik buruk di dunia dan akhirat. Oleh itu tidak hairan kalau Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganggap peniaga-peniaga yang amanah itu sebagai

orang-orang yang penting.

Mengapakah Islam memandang tinggi dan mulia terhadap seorang peniaga yang amanah itu? Untuk menjawabnya kita lihat faktor-faktor berikut:

1) Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum diutus menjadi Rasul dan Nabi adalah seorang ahli perniagaan profesional. Baginda menjalankan perniagaan ke beberapa negara jiran seperti Syria, Yaman, Bahrin dan beberapa buah pasar di Semenanjung Tanah Arab.

2) Di samping itu Baginda sendiri sebelum berkahwin pernah menjalankan perniagaan secara mudharabah di mana model perniagaan itu diberikan oleh Sayidatina Khadijah dan modal itu diperdagangkan oleh Baginda sendiri.

3) Dalam zaman remaja Baginda terkenal dengan panggilan 'Al-Amin'. Baginda menjadi penyimpan segala simpanan orang ramai khususnya ahli-ahli peniaga sehingga pada saat terakhir Baginda berangkat ke Madinah dan melantik Sayidina Ali untuk memulangkan segala simpanan kepada tuan punya.

4) Kita lihat lagi setelah Baginda berhijrah ke Madinah ada dua perkara penting yang Baginda buat, pertama: Mendirikan masjid dan menyatukan umat Islam. Kedua: Baginda memberikan perhatian yang berat ke arah memperbaiki ekonomi masyarakat Madinah.

Kedua ekonomi Madinah pada masa itu adalah sangat-sangat tidak seimbang, ia dikuasai oleh kaum Yahudi secara sistem kapitalis. Masyarakat Arab pula hanyalah seba-

gai pembeli, pengguna dan pekerja sebagai buruh. Ramai yang menjadi mangsa pembayar bunga selaku pemegang wang daripada Yahudi ketika itu.

Melihat keadaan ini Baginda yang banyak pengalaman dalam soal perniagaan telah mengarahkan dua saudara baik Muhajirin dan Ansar mendirikan pasar sendiri. Sahabat-sahabat Baginda seperti Sayidina Othman bin Affan dan Abdur Rahman bin Auf telah kembali aktif dalam perniagaan bukan untuk mengaut keuntungan tetapi mereka mahu melihat kepada masyarakat Madinah cara-cara perniagaan yang paling moden ketika itu berkonsepkan undang-undang Islam. Akhirnya umat Islam telah menguasai bidang ekonomi di Madinah.

Perniagaan adalah faktor penting dalam perkembangan ekonomi, seperti yang telah dipaparkan secara ringkas bagaimana Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri aktif dalam perniagaan. Maka dalam pertumbuhan ekonomi negara ini, ekonomi tidak lagi dapat ditegakkan secara perseorangan atau individu sahaja tetapi ia terpaksa ditegakkan melalui perkembangan ekonomi moden. Salah satu daripadanya ialah secara sistem bank atau perbankan.

Bagi kita umat Islam sewajarnya tidak lupa akan tugas tanggungjawab kita di dunia terhadap agama, kerana perniagaan itu mengaitkan soal akidah, akhlak dan fikah muamalat. Dan terhadap tanah air pula ialah berhubung dengan pertumbuhan negara. Bertambah pesat ekonomi kita bertambahlah kemakmuran negara ini. Dan terhadap masya-



Suara dari mimbar

rakat pula, peniaga-peniaga yang beroleh keuntungan akan tidak lupa mereka yang tidak bernasib baik iaitu dengan menghulurkan zakat dan sedekah bagi tujuan pembangunan masyarakat pula.

BANK ISLAM

Baru-baru ini sempena perayaan ulang tahun Hari Keperteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah Ke-54 Tahun pada 15 Julai, 2000 yang antara lain baginda bertitah:

"Pada awal abad 21 ini beta telah menitahkan supaya Bank Pembangunan Brunei Berhad yang dimiliki 100 peratus oleh kerajaan beta dan telah ditubuhkan pada tahun 1995 ditukar namanya kepada Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad atau The Islamic Development Bank of Brunei Berhad."

KEWANGAN ISLAM

Ini bererti bertambahlah satu lagi institusi kewangan

Islam di negara ini setelah ter-tubuhnya Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Bank Islam Brunei Berhad (IBB), Takaful IBB Berhad dan kini muncul pula dengan berkat daulat raja kita Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad. Sebagai rakyat dan penduduk negara ini marilah kita sama-sama menaati tanggungjawab fardu kifayah ini. Dengan sama-sama bergotong-royong, sama memajukan dan sama-sama mengangkat ke taraf antarabangsa dan terus maju. Amin.

"Dan carilah pada apa yang dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari kenikmatan duniawi dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu. Dan janganlah kamu berbuat kerusakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerusakan." (Surah Al-Qasas: 77)

Ajaran sesat

(Kelolaan Pusat Da'wah Islamiyah)

Siri 19

BOLEH BERJUMPA DENGAN RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM

PENGASAS ajaran ini telah mendakwa dirinya bahawa dia boleh berjumpa dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Di dalam fatwa Mufti Brunei ada mengatakan: Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam fatwanya: "Kemudian saya lihat Al-Imam Ibnu 'Arabi Al-Maliki telah menyebut bagaimana saya telah sebutkan di atas ini iaitu tiada ada tegahan melihat batang tubuh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu dengan melihat roh Baginda dan jasad Baginda, kerana Nabi dan lain-lain Nabi hidup dikembalikan kepada mereka roh-roh mereka lepas mereka dimatikan dan dibenarkan mereka keluar dari kubur mereka dan pergi ke sana ke mari di dalam alam yang tinggi dan alam yang rendah, dan tiada ada halangan dan tegahan bahawa Nabi dapat dilihat oleh banyak orang dalam satu masa yang sama serentak."

Menurut Al-Syeikh Muhammad Hussin bin Muhammad Makhluf Al-Adawi Al-Maliki Rahimahullah dalam kitabnya Al-Mutalib Al-Qudsiah, beliau mengatakan melihat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah harus tetapi bukanlah dalam bentuknya yang asal tetapi hanyalah dalam gambarannya sahaja.

وقت سمیع، امساك، شوروک دان ضحی

وقت ۲ سمیع، امساك، شوروک دان ضحی باکی دایره برونی دان موارا مولای دارې هاری رابو، 9 جمادی الاول 1421 برسمات 9 اکتوبر 2000 هیئت کھاری ثلاث، 15 جمادی الاول 1421 برسمات 15 اکتوبر 2000 ادا له سقرت دباوه این :-

هجری	ظہر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروک	ضحی	مسیحی
جمادی الاول									اوتوس
9	12 27	3 46	6 37	7 48	4 47	4 57	6 16	6 40	9
10	12 27	3 45	6 37	7 47	4 47	4 57	6 16	6 40	10
11	12 27	3 45	6 37	7 47	4 47	4 57	6 16	6 40	11
12	12 27	3 44	6 37	7 46	4 47	4 57	6 16	6 40	12
13	12 27	3 44	6 36	7 46	4 47	4 57	6 16	6 40	13
14	12 27	3 43	6 36	7 46	4 47	4 57	6 16	6 40	14
15	12 27	3 42	6 36	7 45	4 47	4 57	6 16	6 40	15

وقت ۲ سمیع باکی دایره توتوغ دایره بلایت دایره تیک مینیت، سمیع فرض جمعة دسلورو لگارا برونی دار السلام مولای درې فوکل 12 45 تھاری.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu
Wassalamu 'Ala Rasulillah,
Wa'alaa Aalihie Wasahbihiie Waman Wallah.

DEMIKIAN juga halnya dalam urusan memberi rezeki. Tidak ada satu kuasa pun yang dapat memberikan rezeki kecuali kuasa Allah. Firman Allah Subhanahu Wataala.

Tafsirnya: "Dan tiadalah sesuatu pun daripada makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersebut dalam kitab (Luh Mahfuz) yang nyata (kepada Malaikat yang berkenaan)." (Surah Huud: 6).

Berdasarkan ayat dan hadis di atas, memelihara atau memuja kubur, pungsu dan seumpamanya dengan kepercayaan ia mempunyai keramat atau kuasa yang boleh membawa tuah dan memberi rezeki, maka adalah ia suatu perbuatan syirik dan hukum syirik itu adalah dosa yang paling besar.

Kita hanya dituntut supaya bermohon kepada Allah bukan kepada yang lain-lain sepertimana yang disebut oleh hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Maksudnya: "Apabila engkau meminta, maka mintalah kepada Allah. Dan apabila engkau memohon pertolongan, maka pohonlah pertolongan itu dengan Allah." (Hadis riwayat At-Tirmizi).

Meminta atau memohon kepada Allah merupakan doa, dan doa itu pula suatu ibadat.



IRSYAD HUKUM
DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Ibadat tidak boleh dilakukan melainkan kepada Allah semata-mata, bukan kepada yang lain yang terdiri daripada makhluk-makhluk Allah, lebih-lebih lagi jika benda-benda itu tidak bernyawa seperti batu, kayu, kubur, pungsu dan lain-lain yang tidak dapat memberi manfaat atau mudarat, sebagaimana patung-patung tidak dapat memberi manfaat atau mudarat. Kepercayaan kepada benda-benda seperti ini adalah karut dan wajib ditolak.

Mempercayai kubur sebagai keramat

Bilangan 103
Siri Akhir

Oleh yang demikian memuja kubur, pungsu dan seumpamanya dengan meletakkan barang di atasnya seperti wang, lilin dan kain kuning, dengan kepercayaan bahawa benda-benda tersebut mempunyai kuasa yang boleh membawa tuah atau menambah rezeki atau mempercayainya mempunyai keramat adalah perbuatan sesat yang boleh membawa syirik, kerana dia menafikan kuasa Allah yang Maha Pengurnia, sebaliknya mempercayai kepada benda-benda tersebut sebagai mempunyai kuasa.

Satu perkara penting yang wajib dijaga serta dipelihara dalam mencari kesenangan hidup di dunia ialah segala usaha kita ke arah itu mestilah tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam. Kita hendaklah menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan-perbuatan syirik atau melafazkan perkataan yang boleh membawa kepada syirik.

Perlumbaan mencari kesenangan kadang-kadang menjadi fitnah jika ia tidak disertai dengan iman yang kuat, kerana iman yang lemah akan mudah dipengaruhi walaupun dengan hanya sedikit kesenangan yang diperolehi itu. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sabdanya:

Maksudnya: "Bersegeralah kamu mengerjakan amal-amal (yang berkebajikan) sebelum muncul peibagai fitnah yang bagaikan bahagian-bahagian malam yang gelap-gelita, di mana pada waktu pagi seseorang itu beriman tetapi pada waktu petangnya dia menjadi kafir, atau pada waktu petang dia beriman tetapi pada waktu paginya dia menjadi kafir, dia menjual agamanya dengan harta benda dunia." (Hadis riwayat Muslim).

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga mengingatkan kepada umatnya supaya sentiasa berlandung daripada perbuatan atau perkataan yang boleh membawa kepada syirik (menyekutukan Allah). Hal ini disebutkan

dalam sabda Baginda yang bermaksud: "Pada suatu hari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyampaikan khutbah kepada kami: 'Wahai manusia takutlah kamu mengenai syirik, kerana syirik itu lebih tersembunyi daripada rayapan perjalanan semut.'" (Abu Musa) berkata kepada Baginda: "Sesiapa dengan kehendak Allah, dengan berkata bagaimana kita menjauhi syirik dalam keadaan ia lebih tersembunyi daripada rayapan perjalanan semut? Baginda bersabda: "Kamu ucapkan: 'Ya Allah, sesungguhnya kami berlindung dengan engkau daripada sesuatu yang boleh menyekutukan-Mu sedangkan ianya kami tidak mengetahui.'" (Hadis riwayat Ahmad).

Maka adalah menjadi kewajiban kepada setiap individu Muslim supaya berhati-hati terhadap perkara yang boleh membawa syirik, dengan apa jua sebabnya lebih-lebih lagi untuk mengaut keuntungan harta atau dunia jika dibandingkan dengan akibat yang ditanggung kemudian hari.

ALLAH Subhanahu Wataala telah menghalalkan kepada kita apa jua yang berupa kebaikan asalkan tidak melanggar syariat Islam. Allah Subhanahu Wataala juga telah mengharamkan ke atas hamba-hamba-Nya berbagai-bagai perbuatan yang keji dan maksiat demi kebaikan diri manusia itu sendiri. Ia adalah sebagai panduan bagi mereka menjalankan tugas sebagai hamba Allah di muka bumi ini. Dari itu Allah Subhanahu Wataala telah memerintahkan manusia supaya membuat pilihan yang betul sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 168 yang tafsirnya:

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik."

Antara perkara-perkara haram yang diberi amaran oleh Allah daripada melakukannya ialah judi. Perbuatan berjudi ini adalah amat buruk dan keji dan ia adalah perbuatan syaitan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Maa-idah ayat 90 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya."

Adapun sebab perjudian diharamkan di dalam Islam kerana ia merupakan satu perbuatan yang bertentangan dengan nilai-nilai murni dan moral masyarakat yang bertamadun. Ia juga menjadi penyebab kepada kerosakan moral dan keruntuhan rumah tangga serta mengancam keharmonian sosial masyarakat.

Sebagai orang Islam kita mesti menghadapi segala cabaran ini dengan kekuatan rohani agar kita tidak mudah diseret bersama melakukan maksiat tersebut. Kekuatan rohani inilah yang akan menyelamatkan dan mencegah kita dari terjerumus ke dalam lembah maksiat dan perjudian ini.

Hendaklah kita orang-orang Islam menghindarkan diri daripada

Keburukan judi



Menuju Keredaan Allah

perbuatan judi. Dengan sebab berjudi kita boleh dianggap menghinakan diri sendiri bahkan akibat dari perbuatan itu boleh menjatuhkan maruah agama Islam. Seperti di dalam firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Surah Al-Maa-idah ayat 91 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingat Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?"

Perjudian bukanlah satu jalan yang baik untuk mencari keuntungan atau kekayaan malah ianya boleh mengakibatkan si penjudi menjadi papa. Biasanya dalam perjudian yang kalah lebih ramai daripada yang menang dan di sebaliknya yang beroleh keuntungan adalah orang yang mengendalikan perjudian itu. Orang yang berjudi sebenarnya terperangkap dalam perbuatan mereka sendiri.

Meskipun hakikatnya mereka berharap agar kemenangan yang diperolehi mereka nanti akan berlipat ganda tapi sebaliknya wang yang dibazirkan untuk berjudi lebih banyak dari wang dimenangi.

Hendaklah kita takut akan azab dan bala daripada Allah Subhanahu Wataala yang pasti akan diterima di akhirat nanti bagi mereka yang ingkar. Dari itu carilah rezeki yang halal. Rezeki yang sedikit tetapi halal itu adalah lebih baik daripada rezeki yang banyak tetapi nyata dari sumber yang haram. Sesungguhnya Allah menurunkan rezeki di muka bumi ini maka carilah sedaya upaya dengan cara yang betul dan berkat. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ath-Thalaq ayat 2-3 yang tafsirnya:

"Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkan), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya."

Dari itu jauhilah diri kita dari segala jenis perjudian sama ada yang jelas dan nyata wujudnya perjudian mahupun yang hanya mempunyai unsur-unsur perjudian. Semoga rezeki kita diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala dan terhindar dari kemurkaan-Nya jua.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 172 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukur kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepada-Nya."

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

PUISI PATRIOTISME DALAM HASRAT MERDEKA

OLEH MAS OSMAN

Siri Akhir

KEPATRIOTIKAN juga terhasil daripada sistem pendidikan formal di sekolah misalnya dengan penerapannya dalam mata pelajaran MIB baik pada peringkat rendah mahupun ke peringkat pengajian tinggi. Jikalau dahulu MIB ini dikenali sebagai tatarakyat atau sivik. Di samping itu ia juga menyangkut dengan peranan guru dalam menggerakkan dan memotivasi pemikiran pelajar. Contoh yang paling hampir dalam perkara ini ialah mempertabakan kedaulatan agama, raja, bangsa dan negara. Keempat-empat perkara ini amat penting bagi katani dalam masyarakat yang berwawaskan MIB. Perjuangan ke arah kepatriotikan ini amat penting kepada sesiapa juga, lebih-lebih lagi kepada penyair/pengarang. Sehubungan dengan itu dalam antologi HM ini nada perjuangan yang dimadahkan oleh Wijaya begitu ketara sekali. Kita lihat beberapa contohnya seperti berikut:

1. Kan jadi asas perjuanganmu untuk mencapai cita-cita Bolakiah. (Hasrat: 3).
2. Cari jalan selesai buang keruh ambil jernih sama-sama tuju bahagia untuk nusa dan bangsa. (Renungan 1 : 6).
3. Bukan tanahairmu mana pembela bangsa mana pencinta tanah air. (Penderitaan: 7).
4. Bangun dahai kawan jernihkan mata hatimu hindarkan ragu-ragu tuju satu matlamat. (O! Manusia: 13).
5. Kalau sungguh kau satria tunjukkan taatmu dengan bukti nyata dari hati suci. (Kasih Ibunda: 14).
6. Jangan putus harap aku masih di sampingmu dan semangatmu masih hidup. (Parang: 19).
7. Jangan patah hati susunlah kata menurut aliran ilmu tiap kata berirama ke telinga sateria pembela bangsa. (Tukang Cakap: 22).
8. Bertugas laila suci berjalan amanah diserah dari hati masa kau dan dia pangkah lambang perjuangan. (Tugas: 24).
9. Kumpulkan semangat perpaduan sejati sejak kita lahir. (Kaca atau Intan: 25).
10. Kalau sungguh sateria tiada berharga pujuk padamu untuk menyusun bentuk hidup anak warisan bangsa. (Untakmu sahabat: 26 - 27).

Begitu juga dengan Adi Rumi turut meniupkan nada perjuangan yang sekali gus membenci gejala penjajahan seperti ujananya:

1. Cih! Bangkai busuk yang bernyawaan nyawa kami ingatalah, tanganmu tidak akan lama berkuasa dari seluruh hati terkumpul suara: "Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! (Lagu Akhir Di Taman Merdeka: 78).
2. Untuk bertanjung kepercayaan pada diri usah diulang kisah lara bumi sendiri. (Lagu Penyair: 73).
3. Tapi usah dengan niat melahap (roh begitu kukuh pengeras tulang) kerana kau sendiri takkan utuh bagai pemilik! (Kemerdekaan: 74).
4. (Kalau mahligai, iaitulah kemerdekaan sedang istana adalah sebuah muzium sejarah dari abad ke abad, kau bisa menonton gambarku dari bangsa-bangsa yang pernah tertindas!) (Ilham Untuk Pulauku: 79).
5. Hingga sampai ke mari bahtera kemerdekaan ini dengan tiada cacat cedera walau seinci tetapi tetap utuh, ulung dan luhur walau dalam badai kerana badai itu anak damit orang hebat tiada menggugat dan bukan ini yang menghancurkan bangsa. (Hari Baru: 83).
6. Masa inilah kita mendengar teriak bapa-bapa kita: "Putera-puteraku, sekali jatuh, seratus kali bangun di tanganmu tetap seketul tanah yang bernama darussalam yang di dalamnya berkobar-kobar kesetiaan!" (Jangan Jamah Tubuh Yang Cantik Ini: 84).
7. Di mana pun aku berada Tanahair dan kekasih juga yang utama Ya inilah dia, jiwa raga sudah terasuh Hanya di sini tempat tegakku Tempat lahir dan membesar Tempat tua Dan tempat bermanja. Nabi ada bersabda: "Cintakan watan itu iman" Di sini ada benih yang suci Air dan tanahnya - MIB Udaranya - MIB Hiruplah sepuasnya Rebah bangun kita bersama. (Senandung Anak Watan: 86).

Badaruddin H.O. yang cuma sebuah sajaknya memperkatakan mengenai kemerdekaan, turut merakamkannya dalam untaian sajaknya yang begitu bertepatan yang berjudul "Di Bawah Sedar" (m.s. 114-115) yang mengandungi tiga rangkap. Setiap rangkapnya diadului dengan ujaran:

"Dan setelah bergulung ombak merdeka," yang kemudiannya melanjutkannya dengan untaian kata yang bagi saya amat indah dan menarik. Kita lihat dan perhatikan minda bertenaga Badaruddin H.O. ini:

Ya, pasti setelah sekarang engkau dan aku dan mereka dalam serba momok dan tak pernah merasa erti derita gampang melupakan itu - kehormatan yang terdai dengan lagak yang dipinjam sebentar, ya, sebentar!

Tema patriotisme dalam HM yang mereka garap pada waktu penciptaan puisi/sajak tersebut sememangnya bersesuaian dengan mood mereka yang muda remaja (terutama kepada Adi Rumi dan Badaruddin H.O. yang pada tahun 1960-an berumur dalam lingkungan dua puluhan tahun, sementara Wijaya pula dalam umur yang matang, iaitu melebihi empat puluh tahun) dan alam pendidikan mereka adalah di luar dari negara ini, iaitu di Singapura dan Kuala Lumpur (bagi Adi Rumi dan Badaruddin H.O. - Wijaya pula pernah belajar di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim pada masa sebelum dan selepas Peperangan Dunia Kedua). Kesempatan berada di negara yang bergolak dengan suasana menuntut kemerdekaan menjadikan mereka seolah-olah turut menyuarakan hal-hal kebangkitan semangat kebangsaan dan kepatriotikan yang kental yang (mungkin juga) dikhususkan penyampaian/perutusan sajak-sajak yang mereka tulis itu adalah untuk negara ini. Suara mereka yang lahir daripada minda kreatif dan hati nan suci murni dengan patriotisme yang mampu menghangatkan minda pembaca. Kita lihat Adi Rumi dengan untaian sajak seperti berikut:

Itu belum kau redah belukar (isi hidupmu) peradaban yang makin runtuh. Tanyakan siapa yang kau tahu pelakon-pelakon negara mereka itu ramai yang bersalah, kerana sebuah kerusi yang dihibik dari maknikam cinta (titik peluh, darah, jiwa dan ragamu) hampir kau tolak sendiri, bila kau tahu di sanalah perempuan di sanalah pengkhianatan hingga akhir kau terlontar dari zamanmu

Siapa lagi akan ketawa, ya ketawalah sebelum satu lembaran tertutup dan terjadi lebih pahit bertutup mungkin esok kau sendiri akan gamak berbuat selaku singa sahara menghidu darah mangsamu ya apabila padam rumahmu dan dunia terjaga usahlah ragu, mulakan keluar dari kamar dapatkan nama dari kerabat yang runtuh: jantan sejarah!

Serta kalau mungkin kaukita langkah tertinggal masa sebelum bangun anak-anak bernimpi kemudian dengan berani kau rangkul mereka yang patah. (Bawa Daku Ke Ladang: 80 - 81).

Begitu juga dengan Badaruddin H.O. dengan nada sinis menampakkan kepatriotikannya menerusi sajak "Di Bawah Sedar" yang menelanjangi sikap penjajahan yang rakus yang mengakun-ngakun milik tanah jajahan adalah miliknya yang sah yang bukan mereka rampas. Cuba katani amat-antai untaian Badaruddin H.O. ini:

Dan mereka digiring dan menggiring kemakmuran yang dicadangkan menembusi luar dalam dan demi dada yang bertahan dengan derap angkuh ya, melangkah melonjak ini - milik yang jujur bagai bukan rampasan yang diunjuk suapkan ke hati, ya hati yang lahap! (Di Bawah Sedar: 114).

Demikian juga nada patriotik Wijaya yang agak keras menghendaki kepatriotikannya menerusi sajak "Di Bawah Sedar" yang menelanjangi sikap penjajahan yang rakus yang mengakun-ngakun milik tanah jajahan adalah miliknya yang sah yang bukan mereka rampas. Cuba katani amat-antai untaian Badaruddin H.O. ini:

Di bawah lambang demokrasi sungguhpun semua bebas bebas terhad untuk yang benar mata hati sentiasa melihat terus pada yang bertopeng atau yang asli bukan sebarang alai dilaikan. (Di Bawah Lambang Demokrasi: 56).

Wijaya juga beranggapan perjuangan akan menjadi sia-sia apabila terdapatnya keadaan insan yang gemar berpura-pura yang juga merupakan sebagai duri dalam daging. Perhatikan untaian ujaran berikut:

terus hidup semangat pahlawan silam tapi gejala duri dalam daging tetap ada kerana menanam benih tidak diratik banyak harapan sukma mengamal dasar pura-pura. (Lukisan Sukma: 47).

Dan tuntutan kemerdekaan yang sebenar-benarnya ialah kemerdekaan tulen yang cukup terancang lagi teratur. Nada sinis Wijaya dapat dikesan daripada untaian sajak berikut:

Zaman mahu sistem bukan mahu lagak - gertak atau janji lemak manis apalagi hentam koromo. Mahu merdeka sejati bukan untuk berkuasi atau diniagakan merdeka untuk hidup aman - tenteram - makmur.

Aku tak mahu merdeka esok dengan tidak punya rancangan aku mahu merdeka terus hingga hari kiamat. (Hasrat Merdeka: 12).

Menerusi beberapa buah sajak yang lain, Wijaya amat mengesali sikap segelintir manusia yang memperlakukan semangat perjuangan ini bagi memenuhi kepentingan peribadi masing-masing seperti untainya ini:

1. Akalmu bergeliga tapi untuk tipu helah kebangsaan dijadi topeng (Topeng: 8).
2. Tuhan paling tahu permainan kayu tiga (Tahu: 5).
3. Bukan taat bertopeng atau berpura-pura (Taati: 45).
4. Mata hati sentiasa melihat terus pada yang bertopeng atau yang asli. (Di Bawah Lambang Demokrasi: 56).

Selain daripada itu, Wijaya juga merasakan kepincangan perjuangan untuk membangun negara menjadi terjejas akibat gejala negatif manusia yang gemar menerima rasuah, seperti ujaran Wijaya berikut ini:

Penyakit maha dahsyat membikin ekonomi negara hancur lebur rancangan indah musnah hidup anak warisan bangsa. (Rasuah: 28).

Semangat kepatriotikan yang tulen ikhlas yang tiada berbelah bahagi yang taat sepenuh-penuh kepada negara merupakan slogan yang amat disanjung oleh Wijaya, seperti ujananya:

1. Kalau sungguh kau sateria tunjukkan taatmu. (Kasih Ibunda: 14).
2. Taat bukan jualan. (Taati: 45).

Adi Rumi juga menyuarakan pandangannya yang menekankan bahawa kesetiaan kepada negara adalah amat penting dan ia dituntut dalam Islam, sebagaimana ujanannya yang bertenaga ini:

Tanahair dan kekasih juga yang utama Ya inilah dia, jiwa raga sudah terasuh Hanya di sini tempat tegakku Tempat lahir dan membesar Tempat tua Dan tempat bermanja. Nabi ada bersabda "Cintakan watan itu iman" Di sini ada benih yang suci Air dan tanahnya - MIB Udaranya - MIB Hiruplah sepuasnya Rebah bangun kita bersama. (Senandung Anak Watan: 66). juga untaian sajak berikut: Di tanganmu tetap seketul tanah yang bernama Darussalam yang di dalamnya berkobar-kobar kesetiaan! (Jangan Jamah Tubuh Yang Cantik Ini: 84).

KESIMPULAN

Sesungguhnya pengurapan karya sastera tidak akan ada peng-hujungnya kerana setiap ketika dan setiap detik mungkin ada sahaja perkara baru yang mampu difikirkan oleh pengkaji sastera di saentero jagat ciptaan Allah Subhanahu Wataala ini, sama seperti pakar sains dan teknologi yang juga sentiasa menemui kepelbagaian penemuan yang diberikan sedikit-sedikit oleh Al-Khalik. Justeru itu apa pun yang kita usahakan, ya, sebagaimana yang sering disarankan oleh para ulama, sentiasalah nawaitu katani itu adalah katani serahkan kepada Maha Pencipta lagi Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

Bagi mengakhiri wacana yang memfokus mengenai puisi patriotisme dalam antologi HM, saya petik serangkap sajak Wijaya yang pasrah kepada Allah:

Niatku suci bukan merosak memelihara saki-baki warisan untuk temurun jadi pesaka penghuni Darussalam kuserah pada-Mu Tuhan. (Oh! Tuhan: 58).

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

Serapkan kepada generasi muda

AMALAN gotong-royong merupakan satu amalan yang terpuji dan digalakkan. Seperti kata pepatah, 'Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Kita haruslah bersatu dan bekerjasama mengusahakan satu-satu projek, bagi melancarkan semua operasi pekerjaan dan secara tidak langsung menjimatkan masa dan kos. Kerana kerja-kerja yang dibuat bersama secara bergotong-royong akan meringankan serta mempercepatkan lagi proses sesuatu pekerjaan.

Bergotong-royong merupakan satu amalan yang perlu ditanamkan kepada golongan masyarakat terutamanya kepada golongan dewasa dan belia dalam zaman moden ini. Sejauh manakah fungsi gotong-royong dalam masyarakat moden kita pada hari ini? Sememangnya dalam era baru ini, zaman yang dikenali pasti sebagai zaman globalisasi dan siber ini, manusia akan lena dengan perkembangan yang lebih mencabar dan serba canggih. Keberangkatan kita akan terpaku dengan peredaran waktu yang mengikut rentak yang sentiasa setiap detik 'up to date', sehingga dalam pergaulan kemasyarakatan, ianya berkurangan dan terbatas. Alhamdulillah, dalam kehidupan masyarakat di Negara Brunei Darussalam ada yang masih mengamalkan sikap bergotong-royong dan bekerjasama, kendatipun banyak halangan dan cabaran yang dialami, ianya tidak mematahkan semangat gotong-royong. Semangat bermucang-mucang atau

gotong-royong haruslah dihidupkan, agar ianya tidak dilupakan dan diabaikan.

Gotong-royong akan membuahkan keberkesanan yang efektif dan baik. Walau bagaimanapun, ianya haruslah diserapkan kepada generasi-generasi yang muda dan kanak-kanak, agar dapat dipraktikkan dan menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian. Amalan gotong-royong harusnya bermula dari rumah lagi. Generasi tua sudah terbiasa dengan kehidupan bergotong-royong yang diamalkan sejak zaman nenek moyang dan turun-temurun lagi. Di sini peranan yang dipegang oleh para ibu bapa, penjaga, guru, saudara mara bagi membimbing generasi muda dalam mengamalkan gotong-royong ini adalah diperlukan dan digalakkan.

Dalam hal ini, dengan penyerapan ini akan barang setentunya memberi generasi muda satu idea mengenai kebaikan dan keberuntungan bergotong-royong ini. Bergotong-royong secara tidak langsung akan merapatkan hubungan jalinan kekeluargaan dan persahabatan, dapat mengenali dan memahami di antara satu dengan yang lain, meringankan tugas dan pekerjaan dan lain-lain. Gotong-royong bukan sahaja dapat disemai dan ditanam semasa bermucang-mucang seperti kempen kebersihan, membina pondok dan rumah tetapi juga dapat diamalkan dalam suasana bekerja di dalam pejabat. Dengan adanya interaksi sedemikian, suasana pekerjaan akan lebih menarik dan selesa, kerana pegawai dan

kakitangan akan dapat meluahkan idea-idea yang membangun dan mempercepatkan serta memudahkan lagi proses kerja yang sering memerlukan bantuan dan ketabahan hati.

Apa yang perlu dalam gotong-royong, kita haruslah mempunyai prinsip menolong yang ikhlas, amanah, jujur dan ringan tulang. Sikap tidak camah mata haruslah dihidupkan, yang mana juga merupakan satu amalan bergotong-royong. Perasaan hasad dengki, berat tulang (malas) dan tidak endah haruslah dikikis kerana ini akan memberikan kesan yang tidak membangun.

Pada kesimpulannya, walaupun kita hidup dalam dunia kemodenan, adalah tidak salah mengamalkan gotong-royong. Bukan sahaja ianya akan memberikan keberuntungan dan meringankan kemudatan, bahkan seseorang itu akan mendapat pahala dan ganjaran tanpa mengharapkan balasan dan imbuhan. Semoga sikap dan amalan gotong-royong ini akan dapat diperkekalkan dalam kehidupan masyarakat moden pada ketika ini, kerana sedikit bantuan yang disumbangkan akan sentiasa mendapat berkat dan manfaat.

Awang Dayemo @ Abdul Aziz bin Haji Mokhtal,
Unit Penerbitan dan Sebaran Bahagian Pemberitaan,
Jabatan Adat Istiadat Negara, JPM, BS 8610.
No. k/p : 252386.

TAJUK-TAJUK AKAN DATANG

1. 'Baik dan Buruknya Penswastaan?' Tarikh tutup 17 Ogos, 2000.
2. 'Perbelanjaan Rumah Tangga Perlu Ditangani Dengan Bijak.' Tarikh tutup 24 Ogos, 2000.
3. 'Peluang Pekerjaan Masih Terbuka Luas, Asalkan' Tarikh tutup 31 Ogos, 2000.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Gotong-royong terus bertahan

WALAU PUN negara melalui era globalisasi yang penuh dengan ke arah kemodenan atau pembaharuan, namun semangat bergotong-royong atau bantu-membantu dalam masyarakat moden hari ini masih lagi mengekalkannya, kerana ini bukan sahaja tergolong dalam unsur budaya masyarakat kita yang terdahulu malahan ianya masih lagi dikekalkan hingga ke hari ini.

Seperti yang dapat kita saksikan, amalan bergotong-royong ini masih lagi dikekalkan oleh masyarakat Brunei hari ini, terutama sekali dalam hal yang berhubung dengan kemasyarakatan atau keagamaan iaitu bagi masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan perkampungan.

Selain itu juga, amalan bergotong-royong seperti ini, ianya bukan sahaja melibatkan satu rumpun bangsa atau kaum bahkan keseluruhannya, yang mana ini juga bertujuan semata-mata bagi

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Amalan Gotong-royong : Sejauh Mana Fungsinya Dalam Masyarakat Moden?'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

mengekalkan warisan tanah air kita yang bersifat 'Tidak jajah mata'. Bahkan mengekalkannya sebagai unsur yang boleh merapatkan perhubungan persaudaraan sesama Islam.

Di samping itu juga, adanya keprihatinan sifat orang Melayu kita dalam masyarakat bergotong-royong ini serba sedikit akan dapat dijadikan satu teladan kepada generasi baru ataupun yang bakal mendatang, bahawa amalan bergotong-royong yang diamalkan sedari dahulu masih lagi mempunyai fungsi atau pengaruh terhadap masyarakat moden hari ini.

Dalam hal kemasyarakatan misalnya di negara kita ini seperti majlis memucang-mucang, perayaan, kebesaran dalam Islam dan sebagainya, masyarakat Brunei lebih mengutamakan semangat bergotong-royong serta bantu-membantu dalam hal ehwal kemasyarakatan serta bertujuan bagi memeriahkan lagi suasana.

Sebab itulah dalam kita melalui kemodenan, ada sesetengahnya yang mengatakan, 'Biar mati adat, jangan mati anak' akan tetapi biarlah kita kekalkan peribahasa Melayu kita, 'Biar mati anak, jangan mati adat' kerana amalan bergotong-royong ini juga terkandung dalam adat serta budaya yang hidup dalam satu kelompok serta adat ketimuran.

"Banyak negara telah memastikan kursus menyelamatkan nyawa dimestikan bagi setiap ahli profesional kesihatan sebagai sebahagian daripada komponen kursus lanjutan, kerana kemalangan dan kecemasan sering terjadi di luar kawasan hospital," jelas beliau di Majlis Pelancaran Jawatankuasa Resusitasi Kebangsaan Kementerian Kesihatan di sini.

Katanya, saat genting boleh berlaku sebelum mangsa dapat sampai ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan hospital, sementara orang ramai yang menyaksikan kemalangan biasanya tidak mempunyai kemahiran untuk memberi bantuan keselamatan.

Kajian yang dibuat ada menunjukkan bahawa jika resusitasi diberikan oleh sesiapa pada saat genting itu ianya dapat menyelamatkan nyawa.

Katanya, "Oleh itu, pendekatan teratur dan piawai tertentu bagi semua yang berkenaan

adalah penting. Maka Jawatankuasa Resusitasi Kebangsaan ini memainkan peranan penting ke arah ini, dan dalam penjagaan kesihatan negara."

Jawatankuasa Resusitasi Kebangsaan yang ditubuhkan pada 3 Ogos, 1999 itu bertanggungjawab bagi merancang, mengendali, memantau dan menilai kursus-kursus resusitasi.

Sejauh ini seramai 388 orang terdiri daripada doktor, jururawat dan paramedik telah lulus mengikuti kursus 'basic life support' sejak mula ianya diadakan pada 19 Disember, 1999.

Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Haji Affendy menjelaskan bahawa matlamat utama kursus berkenaan adalah untuk memberikan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan mengenai pengendalian dan pelaksanaan 'basic life support' yang diberikan kepada yang memerlukan dengan baik dan berkesan.

"Seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Kesihatan kursus ini nanti akan dikembangkan luas dan dilartakan kepada pegawai dan kakitangan lain dalam Kementerian Kesihatan dan kementerian-kementerian yang lain serta ahli-ahli masyarakat yang lain," ujar beliau yang juga selaku Penyelaras Peringkat Kebangsaan Jawatankuasa Resusitasi Kebangsaan.

Di majlis yang berlangsung di salah sebuah hotel di sini, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan telah menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta yang telah berjaya menamatkan kursus tersebut.

Mesyuarat Kemuncak CEO bermula 13-15 November

Oleh Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Julai. - Majlis Penasihat Mesyuarat Kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif APEC 2000 (CEO Summit 2000) telah mengadakan mesyuaratnya yang keempat di Bilik Mesanah, Sheraton Hotel.

Majlis Penasihat tersebut dipengerusikan oleh Dato Paduka Awang Hamdillah bin Haji Abd. Wahab dan dianggotai oleh 22 orang ahli terdiri dari wakil-wakil dewan perniagaan, syarikat-syarikat besar tempatan dan beberapa buah kementerian sebagai persiapan APEC 2000.

Menurut siaran akhbar majlis tersebut, ia ditubuhkan bagi tujuan mengadakan pendekatan dengan komuniti peniaga tempatan bagi mendapatkan maklum balas dan nasihat untuk persediaan Kemuncak CEO 2000 di samping mewujudkan hubungan berterusan dengan kementerian-kementerian berkenaan.

Mesyuarat Kemuncak CEO APEC merupakan acara penting yang melibatkan sektor swasta dalam APEC yang akan diadakan di negara ini pada bulan November tahun ini di Empire Hotel dan Country Club, Jerudong.

Dijangkakan lebih kurang 400 perwakilan terdiri dari pemimpin-pemimpin sektor perniagaan luar negeri dan tempatan, ahli-ahli ABAC selain para penaja akan mengahadirinya. Mesyuarat kemuncak akan diadakan bermula pada 13 hingga 15 November, 2000 yang akan berfokus kepada tema 'Getting Back to Basic: Revitalising and Refocusing APEC's Business Agenda'.

Pada tahun ini Mesyuarat Kemuncak CEO APEC 2000 dan ABAC akan digabungkan bagi tujuan meningkatkan integrasi dan perpaduan 'suara peniaga' ('voice of business') kepada pemimpin-

pemimpin APEC.

Penaja utama kepada Mesyuarat Kemuncak CEO 2000 terdiri dari Citi Group, General Motors, Total Fina Elf dan Syarikat Minyak Brunei Shell di samping penaja bersama HSBC dan Mitsubishi Corporation.

Persediaan bagi Mesyuarat Kemuncak CEO telah mencapai ke peringkat pelaksanaan dengan mendapat sokongan dari

Jawatankuasa Pandu Kebangsaan APEC, ahli-ahli Majlis Penasihat Mesyuarat Kemuncak CEO APEC dan komitmen sepenuhnya daripada QAF Events Management (QEM), selaku penganjur persidangan.

Perkembangan yang dicapai termasuklah penentuan tempat mesyuarat, hotel penginapan, keahlian Majlis Penasihat Mesyuarat Kemuncak CEO dan program sasaran tempatan.



DATO Paduka Awang Hamdillah bin Haji Abd. Wahab ketika mempengerusikan Majlis Penasihat Mesyuarat Kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif APEC 2000 (CEO Summit 2000) yang berlangsung di sebuah hotel di ibu negara. - Gambar oleh Mahmud HI.



ستياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليسيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 9 OGOS

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG	
4.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR: DRAGON TALES SEASON SWAT KATS RADICAL SQUADRON

5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.45	BERITA RINGKAS
5.55	BIMBINGAN MUKMIN
6.10	RAKSI MO MO
6.37	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-QURAN

MALAM	
7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	FLORIST JEJARI HIJAU
7.48	AZAN ISYAK
7.53	FLORIST JEJARI HIJAU - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	TEKAD
9.00	DRAMA CO PRODUCTION: AZAM
9.30	ALUNAN GEMALAI
10.00	NEWS AT 10
10.30	THE PRACTICE - 'Closet Justice'
11.15	ADVENTURES OF LANDO AND WOODLEY - 'One Simple Task'
11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 10 OGOS

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG	
4.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR: DENVER: THE LAST DINOSAUR/BATMAN OF THE FUTURE

5.15	WATERWAYS -
5.45	BERITA
5.55	BIMBINGAN MUKMIN
6.10	AT TAZKIR - Ulangan
6.37	AZAN MAGHRIB
6.42	AL-QURAN

MALAM	
7.00	SURAH YAASIIN
7.25	GEMA ISLAM
7.47	AZAN ISYAK
7.52	GEMA ISLAM - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	AN-NUUR- Siaran Langsung
9.45	DRAMA: FITRAH KHADIJAH II
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA - Sambungan
10.45	WAYANG PILIHAN
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 11 OGOS

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SESAME STREET
11.15	TRAP TRIP
11.30	BERITA
11.40	GUERRILLA GARDENER
12.15	DISCOVER ISLAM: ANEES AHMAD
12.30	SEMAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG	
1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINA-MIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANGAN GAMBAR - AZAN ASAR
3.45	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
4.30	ANIMATION HOUR: SHADOW RAIDERS/ MISTER SIMON AND JIGGY JIGGY

5.15	ASBABUN NUZUL
5.45	BERITA RINGKAS
6.15	SUZUKI NATURE QUEST
6.37	AZAN MAGHRIB
6.42	AL-QURAN

MALAM	
7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	SECANGKIR KOPI
7.47	AZAN ISYAK
7.52	SECANGKIR KOPI - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA RTB: DURATUL HIKMAH - Siri Baru
9.25	AUTOMOBIL
10.00	NEWS AT 10
10.30	KHUTBAH JUMAAT

10.45	TELEDRAMA
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 12 OGOS

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI -
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.10	ANIMATION HOUR: POWER PUFF GIRLS/MIKE, LU & OG
10.55	WILD ABOUT ANIMALS
11.20	SECANGKIR KOPI - Ulangan
11.30	BERITA
11.40	SECANGKIR KOPI - Sambungan
12.00	CYBERNET
12.28	AZAN ZUHUR
12.35	DOKUMENTARI TEMPATAN

PETANG	
1.10	PANGGUNG PETANG SABTU
2.40	FOKUS: KAMPUNG KITA - Ulangan
3.10	NIGHTMAN - 'That O Gang Of Mine'
3.44	AZAN ASAR
3.49	NIGHTMAN - Sambungan
4.00	E.S.P.U.
4.25	ANIMATION HOUR: SABER RIDER & THE STAR SHERIFF/JOHNNY BRAVO
5.15	GERAK BIJAK
5.45	BERITA RINGKAS
6.00	BIMBINGAN MUKMIN
6.15	DRAMA RTB: KELUARGA LIAU BUDIN - Ulangan
6.37	AZAN MAGHRIB
6.42	AL-QURAN

MALAM	
7.00	DUNIA ASIA
7.25	ARCHITECTURE - 'Sir Norman Foster'
7.46	AZAN ISYAK
7.51	ARCHITECTURE - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	VARIASENI
9.45	TAYANGAN GAMBAR -
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 13 OGOS

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI -

9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SESAME STREET
11.10	FUN TIME
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE
12.27	AZAN ZUHUR
12.32	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG	
1.30	BIG STUFF
2.30	SI MANIS 17 - Siaran Langsung
3.00	PERTUKARAN RANCANGAN MOU RTB/ STV12 - 'Citra Keluarga'
3.30	RAILWAY ADVENTURES ACROSS EUROPE
3.44	AZAN ASAR
3.49	RAILWAY ADVENTURES - Sambungan
4.00	4th BRUNEI DARUSSALAM NATIONAL SCHOOL DEBATING COMPETITION 2000

5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.45	BERITA RINGKAS
5.55	BIMBINGAN MUKMIN
6.10	MARI BELAJAR MENGAJI
6.36	AZAN MAGHRIB
6.41	AL-QURAN
MALAM	
7.00	SEJUTA MAKNA
7.46	AZAN ISYAK
7.51	SEJUTA MAKNA
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	TIRAI KELUARGA
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.45	PSI FACTOR - 'Hell Week'
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 14 OGOS

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG	
4.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR: New Adventures Of Flash Gordon/Tombik and B.B
5.00	MEKAR (Ulangan)
5.15	ASIAN WEDDINGS - 'Of Tea and Red Packets'

(Chinese) - Ulangan	
5.45	BERITA
5.55	BIMBINGAN MUKMIN
6.15	ASBABUN NUZUL - Ulangan
6.39	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-QURAN

MALAM	
7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	MEDICAL DETECTIVES - 'Sec, Lies & DNA'
7.46	AZAN ISYAK
7.51	MEDICAL DETECTIVES - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	TEKAD - Ulangan
9.00	DRAMA CO PRODUCTION: 'Manja-Manja Piabong'
9.30	THE LIGHTER SIDE OF SPORTS
10.00	NEWS AT 10
10.30	THE LIGHTER SIDE OF SPORTS - Sambungan
10.45	SUPERSTRUCTURES
11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 15 OGOS

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG	
4.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR: DETENSION/ANIMAL CRACKERS
5.00	HUNTERS
5.45	BERITA
5.55	HUNTERS - Sambungan
6.10	BIMBINGAN MUKMIN
6.20	DRAMA CO PRODUCTION MEGA-MEGA HITAM - Ulangan
6.36	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-QURAN

MALAM	
7.00	OUTWARDS BOUND - 'The Bruja Challenge'
7.25	DOKUMENTARI
7.45	AZAN ISYAK
7.49	DOKUMENTARI - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	FOKUS: KAMPUNG KITA
9.15	THE X FILES - 'All Things'
10.00	NEWS AT 10
10.30	THE X-FILES - Sambungan
11.15	SOLDIER OF FORTUNE - 'Collateral Damage'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

Sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM ...



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Haji Harun bin Haji Ismail ketika dibawa melawat ke bahagian pameran Perkhidmatan-Perkhidmatan Dukungan dan Bantuan Jabatan Pertanian cawangan-cawangan Daerah Tutong selepas merasmikan pameran dan menyampaikan hadiah-hadiah. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Lebih 700 bunga dan tanaman hiasan dipertandingkan

Oleh Siti Muslihat HS

TUTONG, 27 Julai. - Dalam usaha Jabatan Pertanian Daerah Tutong untuk mengetengahkan sebahagian daripada pengusaha pertanian daerah tersebut, Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Daerah Tutong melalui Jabatan Pertanian cawangan Daerah Tutong telah menganjurkan Pertunjukan Pertanian dan Bunga-bunga Hidup sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-54 tahun.

Jawatankuasa acara Pertunjukan Pertanian dan Bunga-bunga Hidup tahun ini mengekalkan konsep pada tahun lepas iaitu dalam bentuk pameran, jualan dan pertandingan bunga-bunga hidup.

Bahagian pameran memperlihatkan fungsi dan peranan Jabatan Pertanian yang terdapat di daerah ini, projek-projek kemajuan pertanian, aktiviti serta kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan pada tahun kebelakangan.

Dalam bahagian jualan pula, sebanyak 18 pengusaha telah mengambil bahagian dalam mempromosikan perusahaan masing-masing sambil menjual hasil-hasil mereka dengan harga yang berpatutan.

Manakala bahagian Pertandingan Bunga-bunga Hidup merupakan bahagian yang dapat menarik minat banyak pengusaha dan penggemar tanaman hiasan.

Dalam bahagian ini sebanyak 755 pasu bunga dan tanaman hiasan telah diterima untuk dipertandingkan dalam tujuh kategori.

Pameran yang dibukakan sehingga 31 Julai ini selain untuk memeriahkan lagi acara Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-54 tahun, ianya juga bertujuan untuk mendedahkan peranan Jabatan Pertanian khususnya cawangan-cawangan di Daerah Tutong dalam memajukan sektor pertanian.

Selain itu ianya juga dihasratkan untuk memperkenalkan dan memberi peluang pengusaha-pengusaha pertanian di Daerah Tutong ini kepada umum dengan memberi kesempatan untuk menjual hasil-hasil perusahaan mereka.

Dalam Bahagian Orkid, dijuarai oleh Dayang Rosi Haji Pisi, diikuti oleh Hajjah Ainon Haji Bolhassan pemenang Bahagian Pokok Renik (hiasan dalam); Hajjah Umai binti Haji Kadir memenangi Bahagian Pokok Renik (hiasan luar) dan Hajjah Suraini Haji Saji terpilih memenangi Bahagian Palma.

Sementara pemenang-pemenang dalam Bahagian Paku Pakis, Bonsai dan Kactus masing-masing dimenangi oleh Dayang Fatimah Haji Yaakop, Awang Bahrain Dato Paduka Haji Bahar dan Hajjah Noraishah Haji Ghariff.

Di majlis ini empat orang peserta juga terpilih untuk menerima hadiah-hadiah penyertaan terbaik. Mereka terdiri dari Awang Juhar Haji Metussin, Hajjah Suriani Haji Saji ; Hajjah Siti Haji Talip dan Hajjah Umai Haji Kadir.

Kerajaan luluskan 20 kawasan perladangan

TUTONG, 27 Julai. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan sumber-sumber Utama telah dan akan terus berusaha dalam menyediakan kemudahan dan galakan kepada pihak swasta untuk menambah sumber keperluan permakanan negara ini di samping untuk mempelbagaikan sumber ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, di Daerah Tutong sahaja, pihak kerajaan melalui Jawatankuasa Tertinggi Kemajuan Pertanian Luar Bandar telah meluluskan sebanyak 20 kawasan Ladang-ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) dengan keluasan 660 hektar tanah dengan peneroka sebanyak 907 orang.

Perkara ini telah digariskan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Harun bin Haji Ismail semasa berucap merasmikan Pertunjukan Pertanian dan Bunga-bunga Hidup di kawasan lapang berdekatan Dewan Kemasyarakatan Tutong, di sini.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Haji Harun menyampaikan hadiah kepada Dayang Hajjah Umai Haji Kadir yang terpilih sebagai salah seorang penerima hadiah Penyertaan Terbaik. Penerima ini juga merupakan pemenang pertama dalam bahagian Pokok Renik (hiasan luar). - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

200 sertai Peraduan Kanak-kanak Sihat

Oleh Abu Bakar HAR

TUTONG, 23 Julai. - Lebih 200 orang kanak-kanak damit hari ini menyertai Peraduan Kanak-kanak Sihat Daerah Tutong yang diadakan di Dewan Ma'had Islam, Bukit Bendera.

Peraduan yang diselenggarakan oleh Jawatankuasa Peraduan Kanak-kanak Sihat Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Cawangan Daerah Tutong itu dianjurkan oleh Jawatankuasa Tadbir Tertinggi sempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun.

Di majlis tersebut, Pengelola WI Cawangan Daerah Tutong selaku Pengerusi Peraduan, Dayang Hajjah Zainun binti Abdul Latif mengingatkan ibu-ibu serta penjaga kanak-kanak damit supaya sentiasa memberikan perhatian yang baik serta mengikuti cara panduan pemakanan yang betul bagi kanak-kanak berkenaan.

Disebabkan penyertaan yang amat menggalakkan, WI telah membahagikan peraduan tersebut kepada empat kategori dan lebih 20 peraduan seperti itu diadakan di daerah berkenaan.

Beliau yang juga selaku Pengerusi KPLB dalam kesempatan ini menyeru mereka yang berkenaan supaya menumpukan masa dan mengusahakan tanah-tanah yang diberikan kebenaran itu agar ianya dapat memberi sumbangan atau tambahan pengeluaran tempatan seperti yang dicita-citakan.

Dalam pada itu, ketua-ketua ladang serta ahli-ahli jawatankuasa ladang tidak seharusnya berbangga dengan hanya dapat membuka kawasan dan meninggalkan ladang tidak produktif.

"Sepatutnya mereka hendaklah membuat satu perubahan dan pembaharuan terhadap pengurusan ladang dengan menjadikan ladang-ladang tersebut sebagai ladang komersial yang berorientasikan keuntungan," tegasnya.

Menurutnya, perkara ini boleh dilaksanakan melalui koperasi-koperasi ladang yang telah ditubuhkan dan mana-mana ladang yang belum menubuhkan koperasi, diseru agar berbuat demikian.

Kerajaan melalui Jabatan Pertanian dan agensi-agensi kerajaan yang lain katanya, sentiasa memberi galakan kepada individu atau kumpulan untuk

Oleh
Siti Muslihat HS

berusaha dalam bidang pertanian bagi menambah pengeluaran tempatan di samping menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan bagi kemudahan projek kemajuan pertanian di daerah ini.

Dengan adanya Perkhidmatan Dukungan dan Bantuan seperti bantuan insentif, subsidi dan khidmat nasihat yang diberikan oleh Jabatan Pertanian, Pegawai Daerah Tutong penuh berharap agar bantuan seumpama itu tidak dipersiapkan malahan ianya patut dihargai dan dimanfaatkan sebaiknya oleh para pengusaha. Dalam keghairahan pihak pengusaha menyalut cabaran ini, pengusaha-pengusaha bidang pertanian juga diseru agar sentiasa peka dalam menghasilkan apa jua bahan makanan agar ianya halal dan selamat untuk dimakan di samping bebas daripada pencemaran bahan-bahan kimia.

Aspek-aspek alam sekitar juga katanya, perlu diambil perhatian yang serius.

"Pembukaan kawasan baru hendaklah menitikberatkan aspek-aspek pengawalan alam sekitar terutamanya di kawasan tadahan air minum di kawasan pendalaman Tutong supaya bebas daripada pencemaran dan seterusnya menjamin kualiti air dan keselamatan untuk diminum oleh penduduk dan rakyat di daerah ini," jelasnya lagi.

Menyentuh mengenai kepentingan sektor pelancongan yang disifatkan sebagai penyumbang kepada ekonomi negara, Awang Haji Harun menyarankan agar para pengusaha pertanian terutamanya tanaman buah-buahan dapat mengintegrasikan sektor pelancongan sebagai tambahan pendapatan.

"Agensi-agensi kerajaan yang berkenaan hendaklah mengambil sikap proaktif supaya Tahun Melawat Brunei 2001 dijadikan landasan atau 'baseline' untuk bergerak memajukan sektor pelancongan berasaskan pertanian iaitu 'agro-tourism' dalam mengetengahkan sama penglibatan pihak-pihak tertentu," tegas Pegawai Daerah Tutong.

Pertunjukan Pertanian dan Bunga-bunga Hidup ini merupakan salah satu acara sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-54 tahun bagi Daerah Tutong.

ERHENTILAH!

B Aku tidak boleh buat demikian, kata-kata itu amat dayus dari segi hukum dan tidak ikhlas hendak aku lakukan untuk mengamati ber-terusan.

Walaupun waktu tidak ada yang mengizinkan menulisnya, mereka yang berhujah begitu hanya mutlak menyirikan aku tidak terus berbuat begitu dan begini! Agar aku tidak mampu merasakan derita terhadap yang menakutkan lebih dari itu.

Kenapa aku dihalang sebab minat masih ada, minat itu adalah asam pedas, memang sebatil telah dicampuri aromatik yang menyedapkan dalam diriku sejak lahir lagi.

Aku cuba menolak anggapan itu dan sekali gus juga dapat aku pelajari sesuatunya itu adalah indeks kata dalam diriku yang harus dipecahkan dan ianya juga sebagai hadirmya satu perbuatan aniaya bagi menggagalkan berambisi yang aku mahukan dalam hidup, membebaskan diri dari sesuatu halangan, otonom mencari pengalaman baru, bukan menambah pendapatan.

Tapi juga mungkin ada sebahagian belas kasihan yang tertimbarasa dari kolam kalbu yang penimbang, sebagai ornamen yang mengalir dalam perasaan aku tetap mempertahankan jalur-jalur waktu dan mengejar yang masih ada tersisa kini.

Mereka yang anti! Tidak merasa aku hadir, mereka harus memakinya lebih keji dari anjing, macam babi hutan juga. Mereka selalu ketawa menyenangkan aku, ketawa sinis di luar dari lingkungan makna, pusing belakang mereka haus menjuntai lidah mereka panjang-panjang dan lantas menyembur air tawar dari mulut.

Tanpa busa! Keadaan itu aku tidur berdiri, menuliskan telinga, menarik nafas dalam heningku. Aku tidak mahu mereka pengaruh besar dan boleh memakanku dengan sewenangnyanya.

Mereka seperti orang itu penjajah, orang seperti mereka itu akan berusaha jadi baik.

Aku tidak ingin darah jadi tensi terhadap seteru yang berpura berselindung kebaikan, servis harus juga hati-hati bila bertemu dengan orang-orang yang berlaku semacam orang-orang pintar.

Sudahlah, kau tidak cocok masuk dalam majalah kami! Satu kata-kata pedas mereka haruskan lepaskan. Mereka lepaskan kata-kata itu sesenangnyanya tanpa menyurut di sekelilingnya.

Lepas itu mereka ketawa kering, agar aku tawar hati menanggung jemu dan bosan saja, ada sebenarnya.

Apa salahnya aku melempar kekelahan pada diriku, apa harus dipertikaikan, apakah itu patut direbutkan dan itu satu-satunya bukanlah impianku yang terakhir hendak diperbahaskan.

Barangkali aku yang malu, kerana memasuki majalah itu tanpa salam, tanpa pamit dan bukan ciptaan datukku, aku harus mendahuluinya.

Aku tidak tahu pelanggaran dari hukum dan adat. Aku kira boleh juga tumpang gembira dan rasa bangga

turut sebung dalam naungan majalah mereka.

Majalah mereka adalah juga tempat aku berhuma bertanam padi dan juga jagung dan sesuatunya sebahagian dari hidupku untuk menaburkan budaya dan juga segala hukum.

Tapi rupanya itu hanya sekadar saat dipeleketkan musim. Aku ibarat debu tanpa penjelmaan dari morfem yang sedia ada dalam tulisku selama mereka memerlukan-nya.

Tetapi orang-orang tidak ingin menghargainya aku jadi tukang sebegitu ke

majalah orang-orang mereka.

Kenapa aku ini dan dikanapakan untuk penapian dari perpisahan, aku disuruh berhenti?

Aku ditahan untuk sepi diam. Menutup segala ruang sendi. Menyepikan tanpa satu pun monomania menghalarf laluanku.

Kenapa tidak milik umum dan memberi ruang waktu pada yang lain. Kenapa dicegah dengan alasan-alasan aku rendah tidak setaraf bersama orang-orang di tengah lapangan itu.

Kenapa aku tidak sebebannya buat eksplorasi yang lebih indah aku salah berkeras dan meronta tanpa salam memasukinya bukan?

Aku cernakan segalanya, kerana ingin mengangkat demi daulat majalah emas yang bukan kepunyaan datuk-

ku.

Jauhkanlah aku tidak terindil majalah bukan milik umum. Salanku ia hanya terbatas pada pihak tertentu saja.

Orang-orang istimewa, yang memang sudah surutnya mampu menerangi dan namanya dipahatkan di negara Bangkok.

Mulia diperakui. Benar ianya pengukir pakar bijak tanpa gemar meruntuhkan bangsanya.

Simpati pada bangsa, memberi pada yang kurang bernaib baik dan melihat bangsanya untuk menolongkan sesuatu ke dalam sama-sama bahagia, sama-sama bebas mencari idea membangun bangsanya.

Aku saja pandai membantah. Padahal aku tidak sampai ke sana. Aku rasa bahagia, tumpang bahagia mereka memperoleh kejayaan dalam

hal-hal mengukir seni, memahatkan nama dalam majalah emas!

Meskipun aku terpisah disebabkan ada alasan tidak menentu. Barangkali juga ada iri. Barangkali juga ada anggapan majalah berkunci gantung pada pintunya dan barangkali juga ada tercetus anggapan kehadiran sebagai petaka polusi dari sisa yang busuk!

Tidak ada kenapa menjadi begitu, begini dan seharusnya aku menyimpan sabar segala yang terjadi pada mereka yang meniadakanku.

Aku harus taat pada diriku dan pada yang berhak, kerana mereka sampai pada anabasis yang dirindukan pengukir nanti.

Bila karyaku sudah dipatutkan pasti. Tiada ada lagi sebarang anggapan waswas pada diriku dan kewujudannya itu akan aku manfaatkan

OLEH ADI MISERE

C C
E E
R R
P P
E E
n n

kepada bangsaku yang hauskan harmonis berdasarkan falsafah terpancar dalam diri.

Segalanya yang menimpa penyakit obsesi tidak sukar dihapuskan. Hakku ada di mana-mana sejak lahir.

Ibuku itu ada bernama 'rahim'. Ketika aku masih titik dari bapakku masuk ke dalam rahim ibu, titik itulah dari bapa bernama 'rahman'.

Aku tidak sejauh itu membicarakannya tentang dari mana bermulanya aku dan mereka dari mana bermulanya mereka? Adakah sama spora semacam yang lain-lain juga.

Aku merasa diperlakukan untuk terus dipulaukan dan seakan aku dibatalkan dari membuat sesuatu yang diinginkan dalam hidupku.

Aku tidak iri sikap orang-orang yang memerlukan aku sentiasa hanyut dalam sepi.

Aku ibarat ladang terbiar yang sangat frustrasi sekali untuk meneruskannya.

Penahanan ini selaku penjara yang tidak dipedulikan di tengah belantara. Aku dengan sikapku penuh sensasi yang tidak meledak!

Suatu ketika aku tidak mungkin dicari gali atau juga segala karyaku akan habis kiris dimusnahkan oleh hakisan alam dunia.

Aku sadar dan menaruh malu karyaku kurang nilai. Jika masuk majalah selalu ada kurangnya dari perkataan harus ada pematangan dari badan sidang sensor.

Sedia yang ada dalam karyaku dari asli sedikit demi sedikit ditanggalkan untuk menyesuaikan dengan selera mereka dan bangsaku.



MESKIPUN aku terpisah disebabkan ada alasan tidak menentu. Barangkali juga ada iri. Barangkali juga ada anggapan majalah berkunci gantung pada pintunya dan barangkali juga ada tercetus anggapan kehadiran sebagai petaka polusi dari sisa yang busuk!

SUKAN SUKAN SUKAN

Kelayakan Piala Malaysia:

Skuad negara lepasi halangan

MESKIPUN mempamerkan prestasi hambar pada pertarungan Liga Perdana Satu Malaysia yang baru berakhir, peluang skuad negara untuk beraksi ke kancuh Piala Malaysia 2000 nampak cerah apabila berjaya melepasi halangan pertama, menumpaskan TNB Kelantan 3-0 pada perlawanan kelayakan (play off) di Stadium Sultan Muhammad Ke-IV Kota Bharu.

Penyerang berpotensi Riwandi Wahit muncul sebagai wira apabila menjaringkan ketiga-tiga gol tersebut iaitu satu jaringan di separuh masa pertama dan dua jaringan di separuh masa kedua.

Sekurang-kurangnya kemenangan akan dapat menyuntik semangat pemain untuk mempertahankan Piala Malaysia dan menebus keaiban yang ditanggung dalam Liga Perdana.

Tiga jaringan sumbangan Riwandi Wahit itu juga amat bermakna untuk dibawa sebagai bekalan skuad negara pada pertarungan kelayakan pusingan kedua di Stadium Negara Hassanah Bolkiah pada 8 Ogos (semalam).

Dengan mendahului jaringan 3-0 itu di samping prestasi permainan yang semakin meyakinkan, nampak peluang beraksi dalam Piala Malaysia sekali lagi nampak cerah. Hampir kesemua posisi para pemain juga amat teratur, terutama barisan pertahanan terakhir

Oleh Haji Ahat HI

penjaga gol Ali Zanda Sitom yang menampakkan kemantapannya.

Barisan pertahanan yang mendapat rombakan selepas pengunduran beberapa orang pemain utama, juga sudah cukup kental kebelakangan ini dan mereka mampu membendung setiap asakan lawan, manakala nadi di bahagian tengah yang digerakkan oleh Irwan Mohamad, Rosli Haji Liman, Fadlin Gelawat dan Awangku Sallehuddin Pengiran Haji Damit pula tidak perlu dipersoal dan sumbangan mereka banyak membantu kepada kejayaan.

Begitupun bahagian serangan nampak belum mantap dan memerlukan perancangan jitu meskipun peranan Riwandi Wahit yang satu ketika berjaya bertindak lebih cemerlang di depan pintu gol lawan.

Apa pun juga barisan yang ada ini nampak sudah bersedia dan seharusnya mengambil kesempatan untuk membuktikan kemampuan selaku juara Piala Malaysia. Kehambatan pencapaian liga perdana bukan alasan untuk tidak dapat bangkit dan menyerlah semula di persada bola sepak.



MENYERLAH Riwandi Wahit menyumbang ketiga-tiga gol kemenangan ke atas TNB Kelantan dalam perlawanan saringan Piala Malaysia pusingan pertama di Stadium Muhammad Ke-IV, Kelantan.

Mukim Batu Apoi 'A' juara

PASUKAN Mukim Batu Apoi 'A' muncul sebagai juara dalam kedua-dua perlawanan akhir bola sepak terbuka dalam kategori 16 tahun ke atas dan 40 tahun ke atas sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun bagi Daerah Temburong yang berlangsung di Padang Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar di sini pada 31 Julai yang lalu.

Dalam perlawanan akhir bola sepak 16 tahun ke atas, pasukan Mukim Batu Apoi 'A' dengan mudah menundukkan Mukim Labu 'A' dengan 6 gol tanpa balas.

Sementara dalam perlawanan akhir bola sepak 40 tahun ke atas, Mukim Batu Apoi 'A' juga telah menumpaskan lawannya dari Mukim Bangar 'A' dengan 2 gol berbalas 1.

Oleh Aliddin HM

Sebanyak 21 buah pasukan telah menyertai perlawanan itu iaitu 14 buah pasukan bagi 16 tahun ke atas dan tujuh buah pasukan bagi 40 tahun ke atas.

Perlawanan tersebut telah bermula pada 22 Jun lalu dan sistem perlawanan adalah dua kali kalah (double knock out).

Di akhir perlawanan, para pasukan yang memenangi dalam perlawanan itu telah menerima hadiah mereka yang disampaikan oleh Penolong Penguasa Balai Polis Daerah Temburong, Awang Abdul Haji Shamsul Khairan yang juga diperkenalkan kepada para pemain sebelum perlawanan akhir dimulakan.

TEMBURONG, 22 Julai. - Pasukan Selangan 'C' berjaya menjuarai perlawanan akhir sepak takraw terbuka setelah mendudukkan lawannya dengan mudah Pasukan Batu Putih 'C' yang berlangsung di gelanggang Balai Bomba Pekan Bangar di sini.

Perlawanan akhir sepak takraw itu adalah salah satu acara keraian sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun bagi Daerah Temburong.

Oleh Aliddin HM

Pasukan Selangan 'C' dibarisi oleh Awang Junaidi, Awang Hussin dan Awang Rizal dan Pasukan Batu Putih 'C' pula dibarisi oleh Awang Jusli, Awang Rizal dan Awang Sofian.

Dalam perlawanan itu Pasukan Selangan 'C' dan pasukan Batu Putih 'C' telah bermain dalam rubber set di mana keputusan Selangan 'C' menumpaskan Pasukan Batu Putih 'C' dengan kiraan mata 15-7, 1-15 dan 6-3.

Sementara tempat ketiga jatuh kepada Pasukan Negalang 'A' dan tempat keempat dari Pasukan Batu Putih 'A'.

Juara dalam kategori terbuka 40 tahun ke atas disandang oleh Pasukan Gabungan Belia-belia Mukim Bokok setelah menewaskan lawannya dari Pasukan Batu Apoi 'B' dengan bermain rubber set dengan kiraan mata 15-8, 13-15 dan 6-2 dan tempat ketiga oleh Pasukan Belayang.

Sementara dalam kategori terbuka bulatan telah dijuarai oleh Pasukan Gabungan Belia-belia Mukim Bokok dengan 200 timbangan dan Pasukan Negalang Ering muncul di tempat kedua dengan membuat timbangannya sebanyak 100 timbangan, sementara itu Pasukan Senukoh Timber pula di tempat ketiga dengan timbangannya 105 timbangan.

Sebanyak 52 buah pasukan telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kategori terbuka, kategori 40 tahun ke atas dan kategori terbuka bulatan telah bermula pada 9 Julai yang lalu dan sistem perlawanan diadakan secara pukul mati bagi kategori terbuka dan dalam kategori 40 tahun ke atas pula dibuat secara dua kali kalah (double knock out).

Majlis penyampaian hadiah kepada pasukan-pasukan yang memenangi dalam perlawanan sepak takraw itu telah disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Kanan di Jabatan Sekolah-Sekolah Daerah Temburong, Awang Lamat bin Haji Lakim.

NOMADS juara hoki 6 sepasukan

KEMENANGAN NOMADS ke atas Combine Star melalui pukulan penalti 3-1 berjaya membawa pasukan tersebut menjuarai Kejohanan Hoki Enam Orang Sepasukan Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun.

NOMADS memanfaatkan kesempatan dari pukulan penalti yang diberikan itu dengan menjaringkan ketiga-tiga gol selepas kedua-dua pasukan terikat seri 1-1 dalam perlawanan akhir di Stadium Hoki, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah.

Combine Star pula gagal bertindak cemerlang dan hanya memperolehi satu jaringan melalui Ali Haji Adam, sementara pukulan Suhaili Anggas pula menepati ke arah penjaga gol NOMADS.

Oleh Haji Ahat HI

Terdahulu sebelum perlawanan penentuan bermula, Combine Star mempamerkan permainan cemerlang dengan mendahului NOMADS 1-0 di separuh masa pertama melalui gerakan solo Junaidi Haji Yahya dan terus merembat masuk mengatasi penjaga gol Bahadur Gurun.

Begitupun NOMADS berjaya menyamakan kedudukan 1-1 di separuh masa kedua apabila bola dari kanan dekat pintu gol berjaya ditolak masuk oleh penyerang NOMADS menewaskan penjaga gol, Pengiran Haji Abu Bakar.

Dengan kedudukan 1-1, permainan lebih banyak

dikuasai oleh Combine Star yang melancarkan serangan bertali arus namun kecekapan penjaga gol NOMADS yang bertindak cemerlang, kesemua kesempatan tersebut terlepas begitu saja dan kedudukan kekal 1-1.

Sementara itu dalam bahagian wanita, Pasukan Dayang Budiman muncul sebagai juara selepas menumpaskan Mixed Star 2-1 dalam perlawanan akhir. Mixed Star yang dibarisi oleh bekas pemain kebangsaan mendahului 1-0 di separuh masa pertama, manakala Dayang Budiman memperolehi dua jaringan di separuh masa kedua.

Sejumlah 16 pasukan yang terdiri empat pasukan wanita dan 12 pasukan lelaki menyertai kejohanan yang dibahagikan kepada empat kumpulan.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN

Hamdani terus kuasai Perlumbaan Mountain Bike

Oleh Abdullah Asgar

HAMDANI Haji Besar tidak dapat dipisahkan dengan Perlumbaan Mountain Bike khususnya bagi acara cross country yang mana beliau muncul juara lagi bagi acara terbuka atas anjuran Ikatan Kampong Tanah Jambu (PITA) sempena dengan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun.

Beliau menewaskan lebih 70 peserta lain. Sementara tempat kedua ialah Haji Muhd. Shahrul bin Haji Bayong dan ketiga Haji Muhd. Hatta bin Haji Idris.

Perlumbaan yang diadakan di kawasan Ladang Kominal PITA itu dibahagikan kepada lima bahagian.

Bagi kategori veteran, Greg Parker muncul sebagai juara, kedua Haji Saifuddin bin Haji Ibrahim dan ketiga Haji Jamil bin Haji Abdul Karim.

Manakala itu bagi kategori novis terbuka, pertama Romzi bin Haji Abdullah, kedua Muhd. Shukri bin Abdul Rahman dan ketiga Hamadi bin Haji Ibrahim.

Bagi kategori junior, pertama Muhd. Shafaei bin Haji Osman, kedua Haji Muhd. Abdul Wadud bin Haji Aini dan ketiga Haji Amirullizam bin Haji Abdul Alif.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan Basikal Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Rosli bin Haji Mohidin, manakala hadiah bagi acara penduduk-penduduk kampung disampaikan oleh Yang Dipertua PITA, Awang Haji Muhammad bin Sukaimi. Hadiah-hadiah ditaja oleh Triple Star Enterprise.

Perlumbaan kali kedua dianjurkan oleh PITA bagi sama-sama meraikan perayaan hari keputeraan.

Wartawan PELITA BRUNEI juga sempat menemui bual beberapa orang pelumba yang rata-rata melahirkan rasa kegembiraan kerana ini adalah kali pertama acara demikian dianjurkan di Daerah Brunei dan Muara.

Mereka juga mengharapkan agar lebih banyak perlumbaan sedemikian akan diungkuhkan oleh persatuan-persatuan lain demi untuk memajukan dan meningkatkan tahap perlumbaan tempatan supaya mereka ini boleh menjadi juara di perlumbaan luar negara dan peringkat serantau.



PEMERINTAH Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Inderasugara Kolonel Haji Awang Mohammad Yusof diperkenalkan kepada para peserta di Perlawanan Kemahiran Menembak Peringkat ABDB 2000 yang berlangsung di Padang Tembak Penanjong Garison. - Gambar oleh Masri Osman.

ABDB
pilih
wakil
ke BISAAM

Oleh Abdullah Asgar

ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei hari ini memulakan Perlawanan Kemahiran Menembak Peringkat ABDB 2000 yang dirasmikan oleh Pemerintah Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Inderasugara Kolonel Haji Awang Mohammad Yusof bin Abu Bakar.

Pembukaan rasmi perlawanan itu, berlangsung di Padang Tembak Perkhidmatan Penanjong pada 31 Julai itu disertai oleh Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei, dan Pusat Latihan ABDB.

Perlawanan menembak yang bermula 28 Julai lalu mempertandingkan 13 acara menembak ala tentera yang dibahagikan kepada perseorangan dan berkumpulan yang menggunakan senjata ringan seperti pistol, M16, GPMG dan senjata bantuan ringan.

Perlawanan tersebut diadakan sebagai memilih wakil ABDB ke peringkat BISAAM (Brunei International Skill At Arm Meet) yang akan diadakan kemudian.

Kedudukan Pasukan Liga Perdana 1 musim 2000

Pasukan	Perlawanan	Menang	Seri	Kalah	Jaringan	Kemasukan	Mata
SELANGOR	22	14	3	5	41	25	45
P. PINANG	22	12	7	3	35	15	43
PERAK	22	12	5	5	35	18	41
TERENGGANU	22	9	8	5	29	23	35
SARAWAK	22	10	5	7	28	22	35
N. SEMBILAN	22	10	3	9	32	26	33
PAHANG	22	8	7	7	41	28	31
K. LUMPUR	22	7	8	7	27	32	29
PERLIS	22	6	7	9	24	27	25
JOHOR	22	6	2	14	27	50	20
SABAH	22	4	4	14	22	41	16
BRUNEI DARUSSALAM	22	2	5	15	19	53	11

BRUNEI BUAT PULAU PINANG GIGIT JARI

Oleh Samle HJ

TIRAI Liga Perdana 1 yang sudah berlalu ke penghujungnya menyaksikan pasukan Negara Brunei Darussalam mampu membuat pasukan Pulau Pinang menggigit jari dan terlepas untuk menjulang Piala Liga, 29 Julai lepas.

Pasukan pelawat yang membawa misi mengungguli, akhirnya berputih mata apabila gagal merobek gawang pasukan Negara Brunei Darussalam sekalipun turun dengan semangat tinggi untuk memastikan kemenangan mutlak sebagai penutup tirai liga.

Sebaliknya, pasukan Negara Brunei Darussalam yang terpesong di tangga terbawah telah memberi saingan sengit untuk sekurang-kurangnya memberi kepuasan kepada hampir lima ratus penonton yang tetap setia menyaksikan pasukan mereka menutup tirai.

Sekalipun pertemuan yang penuh debaran hanya berkeputusan seri (0 - 0), tetapi sudah memadai bagi anak buah Haji Abdul Razak untuk membuat kendalian Irfan Bakti pulang dengan berputih mata sekalipun pasukan Negara Brunei Darussalam tetap ke Bahagian Dua musim depan.

Sepanjang 22 perlawanan, pasukan kendalian Mick Jones itu hanya mampu memenangi dua perlawanan, lima kali seri dan 15 kali kekalahan. Pasukan Negara Brunei Darussalam hanya mampu menewaskan pasukan Sabah (1 - 0) dan Negeri Sembilan (2 - 0), lima kali seri melalui pertemuan dengan pasukan Pahang, Pulau Pinang, Perlis, Johor dan Kuala Lumpur.

Pengurus pasukan, Awang Haji

Abdul Razak berkata, cabaran sepanjang musim nampak berlaku buat skuad Negara Brunei Darussalam yang turun dengan majoritinya barisan muda bagaimanapun mampu memberi cabaran sengit sekali-pun kebanyakannya menyaksikan kekecewaan di penghujung perlawanan.

Katanya, Abang Norsilmy muncul menunjukkan bakat selaku penyerang di akhir babak, sementara Riwardi Wahit dan Radiman mempunyai bakat sebagai penyerang, jika terus berusaha bersungguh-sungguh.

Menurutnya, barisan penyerang sekarang andai dapat dikelaskan bagi dua atau tiga tahun lagi, mereka mampu meningkatkan keupayaan bersama pengalaman yang mereka tempohi.

Sementara khidmat, penyerang veteran, Rosnan Samak, Suni Mat Jerah, pemain pertahanan Nordin dan Martili juga memberi bakti yang sangat berguna bagi sepanjang liga diadakan.

Melihat digandingan tengah, Irwan Muhammad - Azmanuddin Haji Gillen - Rosli Haji Liman telah menunjukkan keserasian, bagaimanapun kerap longgar apabila kecederaan sering menghantui pemain emas pasukan negara musim lepas, Rosli.

Kalibat pemain-pemain muda, Muhammad Subhi, Sharimin Hairul, Shahrul Rizal dan Saiful Rizal dengan galakan Fadlin Galawat dan suntikan Awangk Sallehuddin yang diberi kepercayaan menjadi ketua pasukan.

Daripada sebanyak 53 kemasukan, penjaga gol, Alizander Sitom hadir selaku penjaga gol konsisten di babak akhir liga setelah menyaksikan pasukan Brunei turut

menurunkan dua penjaga gol veteran, termasuk Ibrahim Bakar dan Jefri Muhammad.

Sekalipun gagal menyinar musim ini, Haji Abdul Razak yakin persembahan pasukan negara akan kembali bersinar di musim akan datang dengan latihan dan komitmen semua pemain dan pengurus pasukan.



PASUKAN bola sepak negara yang lebih dikenali dengan pasukan 'Tebuan' hanya mampu membuat pasukan Pulau Pinang menggigit jari daripada menjulang Piala Liga pada tahun ini setelah seri 0 - 0 di perlawanan akhir yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, 29 Julai lepas.



HAMDANI bin Haji Besar juara terbuka Perlumbaan Mountain Bike anjuran Ikatan Kampong Tanah Jambu (PITA) menerima piala dari Yang Dipertua Persatuan Basikal Brunei Darussalam, Awang Haji Rosli bin Haji Mohidin. - Gambar oleh Hamadi HM.



PARA peserta Perlumbaan Mountain Bike bersedia untuk memulakan perlumbaan yang diadakan di kawasan lapang Ladang Kominal Ikatan Kampong Tanah Jambu. - Gambar oleh Hamadi HM.

AIKAN PUTERAAN H DYMM

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah
Keputeraan baginda ke-54 tahun.

disembahkan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin
Awang Shari bin Ahmad dan pegawai-pegawai kanan ABDB.

Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-
Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda

Oleh Bolhassan HAB.

Gambar-gambar oleh

Haji Masmaleh HMA dan Masri Osman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memotong kek Hari Keputeraan yang disembahkan ke hadapan majlis baginda oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sambil diringi dengan lagu 'Selamat Hari Keputeraan' daripada kumpulan koir Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama beberapa orang hadir bagi sama-sama merayakan Majlis Meraihan Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berangkat ke Majlis Meraihan Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun yang berlangsung di Dewan Assarraf.



Maha Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berangkat sama ke majlis tersebut.





BERSALAMAN Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Harun bin Haji Ismail bersalaman dengan artis-artis RY Abad 21 Production.



TURUT MENYAKSIKAN ... Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Metusin semasa menyaksikan PENTARAMA di kawasan lapang bekas bangunan hospital lama.

Liputan oleh Sahari Akim dan Aliddin HM
Gambar-gambar dirakamkan oleh
Hj. Masmaleh HMA, Hamadi HM
dan Pg. Rafee PDPHM.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Mohd. Salleh bin Abdul Latif antara yang hadir di persembahan PENTARAMA di Daerah Belait.



PROJEK Kerja PENTARAMA' adalah merupakan antara beberapa pendekatan komunikasi yang diharapkan dapat memberikan kesan yang positif ke arah satu pembentukan kesedaran bermasyarakat di kalangan orang ramai.

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Julai. - Ratusan penonton membanjiri pentas perayaan di kawasan lapang bekas hospital lama di ibu negara bagi menyaksikan persembahan 'PENTARAMA' kelolaan Jabatan Penerangan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun.

Para penonton jelas terhibur dengan persembahan nyanyian lagu-lagu tradisi Brunei dan moden, beberapa buah tarian tradisi, drama, lawak jenaka dan promo oleh artis-artis tempatan.

Tahun ini PENTARAMA dikendalikan bersama oleh Jabatan Penerangan dengan kerjasama RY Abad 21 Production, salah sebuah kumpulan yang agak terkenal di tanah air.

Selain di Bandar Seri Begawan persembahan PENTARAMA juga mendapat sambutan yang begitu menggalakkan di ketiga-tiga daerah lain yang masing-masing diadakan pada 21 Julai, di Daerah Temburong, di Daerah Belait pada 23 Julai dan Daerah Tutong pada 25 Julai lepas.

Projek Kerja PENTARAMA' adalah merupakan antara beberapa pendekatan komunikasi yang diharapkan dapat memberikan kesan yang positif ke arah satu pembentukan kesedaran bermasyarakat di kalangan orang ramai.

Peranan komunikasi dalam pembangunan bukan setakat memberikan hiburan tetapi juga berperanan menerapkan nilai-nilai kesedaran sivik melalui penggunaan media hiburan dengan menyelurkan perutusan-perutusan mengenai hal-ehwal semasa negara.

PENTARAMA singkatan dari 'Pentas Drama Bergerak' merupakan salah satu saluran penyampaian maklumat kepada orang ramai melalui gerak laku seperti promo, nyanyian, tarian dan lawak jenaka dengan memberikan penekanan terhadap hal-ehwal semasa dalam

PENTARAMA - Saluran komunikasi berkesan



negeri yang menyoroti isu-isu popular.

Melalui gerak laku yang berunsurkan teater, orang ramai mudah memahami mesej yang akan disampaikan yang mana keberkesanan persembahan dianggap sebagai salah satu media hiburan dan pendidikan yang boleh menimbulkan semangat kesedaran di kalangan orang ramai khususnya dalam menerapkan nilai-nilai sosiobudaya yang murni.

Selain diadakan pada setiap tahun sempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, PENTARAMA juga diadakan sempena Hari Penerangan yang diadakan di beberapa buah mukim, dan semasa berlangsungnya Mesyuarat MOU antara Jabatan Penerangan dengan negara jiran.



PENTARAMA merupakan saluran penyampaian maklumat kepada orang ramai melalui gerak laku seperti nyanyian, tarian dan lawak jenaka dengan penekanan terhadap hal-ehwal semasa dalam negeri (seperti yang terdapat dalam gambar kiri atas sekali dan atas, kanan atas, tengah, atas sekali).



Hubungan ketenteraan Brunei - Singapura erat

BERAKAS, 1 Ogos. - Hubungan di bidang ketenteraan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terus dipertingkatkan dari masa ke semasa melalui pelbagai kerjasama kedua belah pihak.

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menerima kunjungan hormat dari Ketua Angkatan

Oleh Sahari Akim

Tentera Darat Republik Singapura Mejar Jeneral Ng Yat Chung di Kementerian Pertahanan di sini.

Mejar Jeneral Ng Yat Chung juga mengadakan kunjungan muhibah kepada Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Brigedier Jeneral Dato Paduka Awang Haji

Ibrahim.

Semasa perjumpaan tersebut kedua-dua ketua tentera itu telah membincangkan hubungan dua hala di bidang ketenteraan dan isu-isu pertahanan.

Hadir di kedua-dua perjumpaan itu ialah Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menerima kunjungan hormat dari Ketua Angkatan Tentera Darat Republik Singapura, Mejar Jeneral Ng Yat Chung. - Gambar oleh Amat HM.

Daulatkan bahasa Melayu

BERAKAS, 29 Julai. - Kedudukan bahasa Melayu di negara ini adalah terjamin walaupun terpaksa bersaing dengan bahasa-bahasa lain khususnya bahasa Inggeris.

Langkah dan dasar kerajaan terhadap bahasa Melayu adalah jelas dan tidak perlu dipersoalkan lagi, cuma apa yang perlu ialah sikap rakyat dan penduduk negara ini khususnya orang Melayu sendiri terhadap bahasa ibunda itu.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dato Paduka Awang Haji Alidin bin Haji Othman berkata demikian di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Buku Kerja Bahasa Melayu Menengah Bawah di Balai Sarmayuda di sini.

"Sikap kita yang akan menjadi penentu maju mundurnya bahasa Melayu itu. Sikap yang positif akan dapat membantu sebagai pemangkin untuk menggerakkan usaha kita bagi memperjuangkan bahasa Melayu."

Sebaliknya sikap yang negatif akan menyebabkan bahasa Melayu itu tidak aktif, tidak tumbuh subur, dan lesu. Orang Melayu sendiri harus belajar bahasa Melayu supaya penggunaannya betul," tegas Dato Paduka.

Orang Melayu katanya, tidak boleh beranggapan mereka sudah pandai bahasa Melayu dan tidak mengambil berat untuk mempelajarinya, akibatnya ada yang gagal dalam peperiksaan bahasa Melayu dan dikalahkan oleh orang bukan Melayu.

Dato Paduka juga menaruh harapan yang tinggi kepada semua pihak baik dalam kerajaan mahupun bukan kerajaan serta semua peringkat masyarakat untuk sama-sama memberi sokongan dan sanjungan kepada bahasa Melayu serta menggunakan seluas-luasnya dengan betul dalam apa

Oleh Sahari Akim

juga kegiatan, persuratan, penulisan, media, perniagaan dan lain-lain urusan kehidupan seharian.

Pihaknya mengalu-ulukan supaya penggunaan bahasa Melayu ditingkatkan dalam bidang perniagaan seperti dalam tuntutan bayaran, sebut harga, malah katanya, nama syarikat pun lebih sesuai digunakan bahasa Melayu.

"Dalam lakonan pun, kalau sebutan bahasa asing tidak baik bukankah lebih baik bercakap bahasa Melayu sahaja, lebih berkesan dan mudah difahami."

"Apakah dialog dalam bahasa Inggeris akan menaikkan mutu lakonan seseorang ataupun drama itu sendiri," ujar Dato Paduka.

Di majlis itu Dato Paduka juga menegaskan bahawa berbagai usaha telah dilakukan untuk membela dan mengembangkan bahasa Melayu di negara ini, selain arahan-arahan kerajaan sejak tahun 60-an lagi langkah juga diambil dalam menerbitkan buku teks bahasa Melayu yang setakat ini sudah sampai menengah empat.

Buku kelima akan diterbitkan tidak lama lagi hasil kerjasama DBP dan Jabatan Perkembangan Kurikulum sebagai memenuhi keperluan buku teks bahasa Melayu untuk kegunaan sekolah-sekolah menengah di seluruh negara.

Pengarah DBP berharap hasil peraduan menulis buku kerja bahasa Melayu menengah bawah itu akan dapat menjadi asas untuk dijadikan buku kerja bahasa Melayu yang akan digunakan di sekolah-sekolah secepat mungkin.



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dato Paduka Awang Haji Alidin bin Haji Othman ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang Peraduan Menulis Buku Kerja Bahasa Melayu Menengah Bawah. Majlis berlangsung di Balai Singgahsana DBP. - Gambar oleh Mahmud HI.

"ORANG Melayu tidak boleh beranggapan mereka sudah pandai bahasa Melayu dan tidak mengambil berat untuk mempelajarinya, akibatnya ada yang gagal dalam peperiksaan bahasa Melayu dan dikalahkan oleh orang bukan Melayu."

- Pengarah DBP.



MEJAR Jeneral Ng Yat Chung mengadakan kunjungan muhibah kepada Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Dato Paduka Awang Haji Ibrahim. - Gambar oleh Amat HM.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yusof (empat dari kiri) ketika hadir merasmikan Pertemuan Belia Islam Senegara Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-54 Tahun di Masjid Kampong Pintu Malim. - Gambar oleh Amat HM.

Belia produktif sumber pembangunan negara

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Julai. - Belia jika dipimpin serta dibentuk jati diri dengan betul menurut ajaran dan akhlak Islam insya-Allah akan dapat memberikan sumbangan yang positif yang menuju ke arah pembentukan masyarakat yang mantap keimanan dan ketakwaan serta disiplin sesuai sebagai golongan terbesar di negara ini.

Tenaga belia yang produktif dan berdisiplin adalah sumber pembangunan penting bagi negara ini dan justeru itu mereka perlu dipimpin, dibentuk akhlak menurut Al-Quran dan diberikan pengetahuan serta latihan dan kemahiran yang bersesuaian bagi membolehkan mereka menyumbang kepada pembangunan negara dan umat secara positif dan produktif dan diredai Allah Subhanahu Wataala.

Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yusof menjelaskan perkara tersebut di Majlis Perasmian Pertemuan Belia Islam Senegara Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun di Masjid Kampong Pintu Malim.

Jelasnya, memiliki ilmu pengetahuan agama yang betul merupakan aset yang penting dalam mencorak seseorang dan tidak cukup hanya dengan banyak beribadah tanpa diiringi dengan ilmu pengetahuan agama yang betul khususnya dari segi akidah yang betul.

"Sebab ibadah tanpa ilmu dan akidah yang betul

juga boleh membawa kepada kesesatan oleh itu dengan adanya ilmu dan akidah yang betul seseorang itu dapat membezakan antara perkara-perkara yang makruf dengan yang mungkar dan jika dihiiasi pula dengan akhlak yang mulia nilai belia tersebut sebagai aset negara akan bertambah di mata masyarakat."

Dalam hubungan tersebut beliau mengingatkan kepada belia-belie supaya sentiasa berhati-hati daripada dipengaruhi oleh dakwah musuh-musuh Islam atau pembawa-pembawa ajaran sesat yang bertopengkan Islam yang semata-mata untuk menyesatkan akidah serta mencemarkan kesucian dan kebenaran Islam dan seterusnya menghancurkan perpaduan umat, ketenteraman dan keselamatan negara.

Menyentuh mengenai dengan majlis pertemuan itu, beliau menegaskan adalah wajar jika pertemuan seumpama itu sentiasa diunggulkan untuk dimanfaatkan oleh belia-belie sebagai persediaan melengkapkan diri ke arah kepimpinan serta menanamkan semangat cintakan agama, bangsa dan negara.

Ceramah khas oleh Profesor Dato Dr. Haji Amir bin Awang sesuai dengan tajuknya iaitu 'Belia Aset Negara' yang bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada belia-belie masjid sebagai wadah penyebaran ilmu, berdisiplin, bertanggungjawab serta memupuk semangat kebangsaan.

Berangkat ke Pameran Urusan Rumah Tangga

GADONG, 30 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha hari ini berkenan berangkat merasmikan dan menyempurnakan penyampaian hadiah Pameran Urusan Rumah Tangga 2000.

Kebangkatan baginda di salah sebuah hotel di sini dijunjung oleh ahli-ahli jawatankuasa tertinggi pameran.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Oleh Siti Muslihat HS.
Gambar-gambar oleh Ramli Tengah dan Masri Osman

Datin Paduka Dayang Hajjah Jusnani binti Haji Lawie, Pengerusi Bersama Pameran dalam sembah alu-aluannya sedikit sebanyak menyentuh mengenai sejarah Pameran Urusan Rumah Tangga sejak tahun 60-an dan juga sebahagian daripada objektifnya.

Sejurus selepas mengurniakan titah perasmian, baginda berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah

kepada para pemenang dalam enam kategori yang dipertandingkan.

Kategori-kategori tersebut ialah kuih kering termasuk biskut, kuih basah, jenis kek, kuih yang menggunakan daun bagi pembungkusan, bunga buatan sendiri dan gubahan bunga dari bahan terbuang.

Di majlis itu, baginda berkenan menerima pesembah. Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili yang juga memulakan bacaan Al-Fatihah di awal majlis.

Baginda serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain kemudian dijunjung menyaksikan pameran yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian masakan dan gubahan untuk dipertandingkan dan juga bahagian pameran dan jualan bagi para pengusaha wanita tempatan yang sedang dan baru dalam dunia perusahaannya.

Di pameran itu, baginda juga berkenan menerima beberapa pesembah daripada para pengusaha yang mengambil bahagian. Juga turut menyertai pameran ialah sebuah syarikat penjual barangan kemas eksklusif dunia.

Pameran Urusan Rumah Tangga merupakan salah satu acara sempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara dan dikendalikan oleh Persatuan PERTIWI.

Pameran tersebut bukan hanya dihasratkan untuk menunjukkan kemahiran kaum wanita membuat kuih-muih dan kerja tangan, tetapi juga memperlihatkan kemahiran dalam mengubah dan menyusun hasil kerja tangan dan masakan supaya lebih menarik dan dapat diniagakan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli jawatankuasa tertinggi pameran yang terdiri dari ahli-ahli Persatuan PERTIWI (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia tertarik dengan kehalusan tenunan songket tempatan yang dihasilkan oleh pengusaha tempatan di negara ini (atas). Sementara gambar bawah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam berkenan menyaksikan pameran pelbagai jenis kuih dan biskut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada salah seorang pemenang dalam salah satu kategori yang dipertandingkan di Pameran Urusan Rumah Tangga.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan hasil seni sulaman yang dipamerkan sempena dengan Pameran Urusan Rumah Tangga itu.



Berangkat rasmikan Majlis AIDS NBD

BERAKAS, 28 Julai - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti mi berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Yang Dipertua Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam, Datin Hajjah Edah binti Haji Mohd. Noor dan ahli-ahli majlis berkenaan.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Datin Hajjah Edah, antara lain berkata, walaupun Negara Brunei Darussalam tidak berhadapan dengan keadaan yang membimbangkan dengan penyakit AIDS, namun jelasnya penubuhan majlis tersebut adalah sebagai satu inisiatif awal dan merupakan usaha-usaha berjaga-jaga dalam meningkatkan lagi kesedaran di kalangan masyarakat di negara ini mengenai penyakit tersebut.

Menurutnya, penubuhan majlis itu diasaskan pada membekalkan kesedaran dan pengedaran kepada khalayak ramai akan bahaya wabak berkenaan, termasuk menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu dengan tujuan utama mempromosikan kesedaran dan kesihatan awam akan sentiasa tertanam.

DYTM juga berkenan mengurniakan hadiah tempat pertama kepada Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim, pemenang mencipta logo Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam.

Selepas itu, DYTM berkenan menyaksikan dan mendengarkan pertunjukan video dan ceramah mengenai penghidap penyakit AIDS di Malaysia.

Sebelum berangkat balik, DYTM menyaksikan mini pameran mengenai penyakit AIDS yang disertai Biro Kawalan Narkotik dan Kementerian Kesihatan.

Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam telah diadakan pada 22 Julai, 2000 dengan misi penubuhannya satu untuk menyediakan program pendidikan dan pencerahan bagi menentang jangkitan HIV dengan meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai penyakit ini dan jangkitannya.

Antara tujuan penubuhannya ialah untuk mengawal Tabung HIV, menangani keperluan terhadap kesedaran dan pencegahan, khidmat sokongan bagi mereka yang dijangkiti HIV/AIDS dan untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan yang berkaitan, badan-badan tempatan dan masyarakat dan membolehkan rangkaian dengan Majlis AIDS di luar negeri dalam menentang HIV/AIDS.

Oleh Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh
Ramli Tengah



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam berangkat ke Majlis Perasmian Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang pertama mencipta logo Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam iaitu kepada Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim (atas), dan kepada salah seorang lagi pemenang (gambar bawah).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli jawatankuasa majlis sambil diiringi oleh Yang Dipertua Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam, Datin Hajjah Edah.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan mini pameran dari Biro Kawalan Narkotik sambil menerima penerangan ringkas mengenai pameran tersebut dari seorang pegawai biro tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima penerangan ringkas mengenai penyakit AIDS yang dipamerkan sempena majlis tersebut (atas). Sementara gambar kanan, majlis perasmian tersebut dihadiri sama oleh para diplomat asing ke negara ini dan lain-lain jemputan khas.



TAKLIMAT MUHIBAH PENERANGAN TAHUN 2000

Brunei mampu tanai t-jawab

BERAKAS, 31 Julai.- Kesediaan Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada Persidangan APEC 2000 pada bulan November nanti akan membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa rakyat dan penduduk negara ini mampu menaai tanggungjawab serta memainkan peranan besar di arena antarabangsa.

Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin berkata demikian dalam Majlis Taklimat Muhibah Penerangan Tahun 2000 Siri Ke-6 bertepatan 'Mesra APEC 2000 dan Tahun Melawat Brunei 2001' bagi pelajar-pelajar baru Universiti Brunei Darussalam berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

"Inilah masanya kita menampilkan jati diri kita di mata dunia sebagai bangsa yang bersemangat tinggi, berwibawa, dihormati, kaya dengan sifat-sifat luhur dan murni seperti bekerjasama, mengutamakan perpaduan dan keamanan."

"Sifat-sifat itu telah memberi laluan yang cukup baik ke arah melicinkan proses kemajuan dan pembangunan negara kita," tegasnya.

Menyentuh tentang kemampuan Negara Brunei Darussalam sebagai negara kecil dalam mengendalikan acara-acara besar sambil memetik peribahasa Melayu berbunyi 'Kecil jangan disangka anak besar jangan disangka bapa' beliau berkata, sekarang bukan lagi masanya bagi rakyat dan penduduk negara ini untuk terus berasa rendah diri dengan 'kekecilan' itu malah sebagai contoh

SEKARANG bukan lagi masanya bagi rakyat dan penduduk negara ini untuk terus berasa rendah diri dengan 'kekecilan' itu malah sebagai contoh negara telah berjaya mengendalikan Sukan SEA Ke-20 pada tahun lepas. - Pengarah Penerangan.

negara telah berjaya mengendalikan Sukan SEA Ke-20 pada tahun lepas.

Pengarah Penerangan terdahulu menyebut persoalan yang sering ditimbulkan tentang rasionalnya negara menganggotai APEC, dan menjadi tuan rumah APEC 2000, sedangkan negara ini kecil dan mempunyai keupayaan terhad terutamanya dari segi pengalaman dan sumber tenaga manusia.

Besar atau kecil bukanlah lagi menjadi persoalan tetapi yang jelas tegasnya, "Kita telah menjadi sebahagian dari masyarakat global dan berhadapan dengan berbagai cabaran, kerehan dan perubahan-perubahan yang di luar jangkaan."

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa dalam menghadapi fenomena tersebut adakalanya sesebuah negara tidak dapat menanganinya secara bersendirian melainkan memerlukan kerjasama dan pertolongan dari pihak-pihak lain.

Menurut Abd. Ghani, APEC adalah merupakan salah satu wadah di mana negara akan beroleh kerjasama dan pertolongan terutamanya ke arah meningkatkan dan mengembangkan perdagangan dan ekonomi negara selain dapat menangani sebarang isu perdagangan dan ekonomi yang mempunyai kepentingan bersama.

Dalam menghadapi persaingan global, kekuatan ekonomi merupakan senjata utama dan bidang pelancongan telah dikenal pasti sebagai 'area' yang berpotensi untuk menyumbang pertumbuhan ekonomi di mana negara ini akan menganjurkan Tahun Melawat Brunei 2001.

Liputan oleh Sahari Akim.
Gambar-gambar oleh Pg. Rafee PDPHM

Beliau menekankan, masanya sudah tiba untuk rakyat dan penduduk negara ini bertindak secara proaktif sesuai dengan tema APEC 2000, 'Menyampaikan Kepada Masyarakat' (Delivering To Community).

Beliau berharap agar para penuntut akan dapat berperanan untuk sama-sama memberigakan dan menyampaikan maklumat yang diperolehi kepada masyarakat, terutamanya kaum keluarga dan kawan-kawan supaya mereka akan terpengaruh untuk menyumbang atau memberi sokongan moral bagi mengangkat nama baik bangsa dan negara.

Pada masa yang sama, rakyat dan penduduk negara ini serunya, hendaklah juga sama-sama memberikan gambaran yang jelas terhadap identiti dan ciri-ciri kehidupan yang terpuji sambil memberikan layanan yang baik kepada para tetamu yang akan datang di kedua-dua acara besar itu nanti.

"Mereka datang ke negara ini bukan sekadar untuk bermesyuarat atau melawat tempat-tempat menarik, tetapi juga akan membuat pendekatan terhadap sikap dan cara hidup kita," tegas beliau.

1,000 pelajar UBD diberi Taklimat APEC 2000, TMB 2001



SEORANG mahasiswa baru Universiti Brunei Darussalam mengemukakan soalan dan pandangan.

BERAKAS, 31 Julai.- Lebih dari seribu orang pelajar baru Universiti Brunei Darussalam menghadiri Taklimat Muhibah Penerangan Tahun 2000 Siri Ke-6 bertepatan 'Mesra APEC 2000 dan Tahun Melawat Brunei 2001' berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Dalam majlis itu mereka mula-mula telah diberikan ceramah mengenai 'Penyalahgunaan Dadah' yang berkisar mengenai statistik, jenis-jenis dadah berbahaya, pencegahan dan sebagainya yang telah disampaikan oleh Dayang Hajjah Shireen binti Haji Mustafa, Timbalan Pengarah Biro Kawalan Narkotik.

Setelah itu, mereka berkesempatan pula mendengar taklimat mengenai APEC 2000 yang berkisar mengenai sejarah, bidang-bidang kerjasama dalam APEC, Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah dan lain-lain yang telah disampaikan oleh Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar, Pengarah Sekretariat Kebangsaan APEC, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Taklimat mengenai Tahun Melawat Brunei 2001 (VBY 2001) yang antara lain menyentuh tentang persiapan, tempat-tempat tarikan pelancong, peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan, peranan rakyat dan penduduk negara ini meraih peluang VBY 2001 dan semumpamanya telah disampaikan oleh Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamed, Pengarah Promosi Industri dan Kemajuan Pelancongan.

Terdahulu, Pengarah Penerangan ketika memperkenalkan majlis tersebut antara lain berkata, penuntut adalah merupakan bakal pemimpin dan agen perubahan yang akan mencorakkan bangsa dan negaranya ke arah

yang terunggul, dihormati oleh masyarakat antarabangsa dan berwibawa di pentas dunia.

Dalam masa yang sama, tambah Abd. Ghani, mereka adalah juga wira bagi mempertahankan dan memelihara sistem nilai yang murni terutamanya dalam mengekalkan kesetiaan dan kecintaan terhadap agama, bangsa, raja dan negara.

Oleh kerana itulah jelas Abd. Ghani, Jabatan Penerangan memilih mereka sebagai rakan strategik untuk sama-sama menaai hasrat negara dan terlibat dalam apa jua agenda nasional sama ada secara langsung atau sebaliknya mengikut yang termampu.

Abd. Ghani menambah, mereka perlu diberikan pendidikan dan maklumat yang cukup mengenai apa jua usaha dan agenda negara agar para pelajar lebih peka dan prihatin terhadap tanggungjawab berbangsa dan bernegara.

"Dengan adanya kesedaran yang tinggi biskita akan sentiasa terpengaruh untuk mempersiapkan diri dan memainkan peranan. Inilah sebahagian dari manifestasi taklimat muhibah ini diadakan," tegasnya.

Pengarah Penerangan juga menyaranan kepada para pelajar agar membuka minda serta membuat perancangan untuk disumbangkan kepada negara dengan niat dan matlamat bukan sekadar untuk mendapatkan sijil semata-mata.

Abd. Ghani menekankan, sebagai orang yang berhasrat baik kerana terpilih belajar ke peringkat yang lebih tinggi, setenterunya keluarga dan negara menaruh jangkaan dan harapan agar kecerampilan mereka lebih menyalir lagi setelah menamatkan pengajian nanti.



TAMPILKAN JATI DIRI KITA Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin.



PENGARAH Sekretariat Kebangsaan APEC, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar.



PENGARAH Promosi Industri dan Kemajuan Pelancongan, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamed.



TIMBALAN Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dayang Hajjah Shireen Haji Mustafa memberikan ceramah mengenai 'Penyalahgunaan Dadah'.



PARA mahasiswa dan mahasiswi baru Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi sesi 2000-2001 ketika mendengarkan berbagai-bagai ceramah di Majlis Orientasi UBD itu yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.



Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal Puas hati dengan pengeluar daging tempatan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Setiausaha Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman menyeru peniaga-peniaga dan orang ramai di negara ini supaya memberikan kerjasama tidak akan memasukan atau menjual daging-daging atau daging-daging yang berproses dalam tin, dalam kotak, dalam bungkus atau seumpamanya walaupun bertanda 'Halal' dari negara asal pengeluarannya selagi ia dimasukkan dan dijual tidak mengikut bab 4 (1) Perintah Darurat (Daging Halal) 1998 dan Aturan-aturan Daging Halal 1999 adalah tidak dibenarkan.

"Sesiapa yang melanggar perintah tersebut, pihak penguasa undang-undang akan bertindak mengikut peruntukan dalam bab 8 atau 9 atau 10 dari Perintah Darurat (Daging Halal) 1998," jelasnya sejezus selepas mempengerusikan perjumpaan antara

pegawai-pegawai lembaga tersebut dengan pegawai-pegawai Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Menurut beliau, Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal berpuas hati dengan pengeluar-pengeluar daging tempatan seperti Mulaat Abattoir, Ideal MultiFeed Farm (IMF), PDS Abattoir Sendirian Berhad dan Golden Chick Sendirian Berhad, serta pusat-pusat pembekalan daging yang lainnya seperti Halaqah Sendirian Berhad dan lain-lain pusat pembekalan atau penyembelihan yang diluluskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perjumpaan tersebut bagi memikirkan cara-cara melaksanakan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena

Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun pada 15 Julai, 2000 yang mengharapakan selain daripada perbekalan daging dan ayam adalah benar-benar halal mengikut hukum syarak, maka langkah pengawalan tersebut termasuklah juga makanan-makanan yang sudah diproses.

Pada menjunjung kurnia titah tersebut, pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang daripada Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal dan pegawai-pegawai Kastam dan Eksais Diraja telah memutuskan akan melipatgandakan lagi usaha-usaha mereka dalam mengawasi barang-barang makanan yang sudah diproses yang terdiri daripada jenis daging yang halal yang kemasukan dan perjualannya di negara ini tidak mengikut kehendak Perintah Darurat (Daging Halal) 1998 dan Aturan-aturan Daging Halal 1999.



PENGARAH Telekom, Awang Buntar bin Osman mewakili kerajaan, sementara Awang Damit bin Osman mewakili Khalid Konsortium bagi perjanjian membekal, menghantar, memasang dan latihan bagi Digital PABX untuk Ong Sum Ping, Tasek Hotel Apartment dan Pusat Media, Jerudong bagi Persidangan APEC. - Gambar oleh Hamadi HM.

Jabatan Lembaga Bandaran miliki dewan serbaguna

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Julai. - Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan hari ini memiliki sebuah dewan serbaguna yang terdiri dari sebuah gelanggang bola tampar dan empat gelanggang bulu tangkis dan ruang penonton dan kemudahan lain.

Majlis penyerahan anak kunci bagi dewan tersebut daripada pihak pemborong kepada pihak konsultan kemudian kepada wakil Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Muhd. Zain bin Haji Muhd. Salleh yang kemudiannya diterima oleh Pengerusi Lembaga Bandaran, Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman.

Dewan yang mula dibina awal bulan Mac lalu siap dalam bulan ini, kerja-kerja pengubahsuaian tingkat atas Bangunan Letak Kereta Bertingkat di ibu negara bagi membina dewan berkenaan menelan belanja kira-kira \$30,000 dari jumlah projek keseluruhan 1.8 juta ringgit.

Dengan siapnya dewan ini akan memudahkan kegiatan sukan yang akan dikendalikan oleh Jabatan Lembaga Ban-

daran serta memudahkan pegawai-pegawai dan kakitangan bersukan dan beriadah.

Oleh Abdullah Asgar



PENGERUSI Lembaga Bandaran, Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman menerima kunci dewan serbaguna bagi Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan daripada wakil Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Muhd. Zain. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Sistem komunikasi Sidang APEC ditandatangani

BERAKAS, 13 Julai. - Satu perjanjian 1.3 juta ringgit telah termeterai bagi membekal, menghantar, memasang dan latihan bagi Digital PABX untuk Ong Sum Ping, Tasek Hotel Apartment dan Pusat Media, Jerudong bagi Persidangan APEC di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan Khalid Konsortium Sendirian Berhad.

Majlis berlangsung di Dewan Wijaya, Jabatan Telekom Brunei (JTB) di mana kerajaan diwakili oleh Pengarah Telekom, Awang Buntar bin Osman, sementara Khalid Konsortium juga diwakili oleh Pengarahnya, Awang Damit bin Osman.

Menyaksikan penandatanganan perjanjian ini ialah Awang Poh Eng Gee dari JTB dan Awang Adam Leslie On bin Abdullah dari Khalid Konsortium.

Khalid Konsortium akan membekalkan sistem Digital PABX serta peralatannya semasa Persidangan APEC bagi kegunaan di Ong Sum Ping, Tasek Hotel Apartment dan Pusat Media, Jerudong bagi memenuhi keperluan persidangan tersebut.

Sistem berkenaan akan dipasang di tempat-tempat kediaman Ong Sum Ping dan Tasek di mana bangunan tersebut akan dijadikan sebagai 'service apartment' untuk ahli-ahli dan media yang datang dari negara-negara APEC.

Bagi sistem di Ong Sum Ping, mempunyai tiga sistem dengan kapasiti 1,200 sambungan serta keupayaannya sistem hotel/motel, DID, akses yang cepat bagi Internet dan sistem mel suara.

Sementara itu, bagi sistem di Tasek, kapasitinya ialah 400 sambungan dengan keupayaan bagi sistem hotel/motel, DID, akses yang cepat bagi Internet dan sistem mel suara dan sambutan tanpa wayar.

Manakala itu, bagi sistem di Pusat Jerudong kapasitinya ialah 600 sambungan, keupayaan sistem perkiraan panggilan, jumlah DID dan akses Internet via modem.

Jumlah keseluruhan projek ini ialah \$1,320,632.40 termasuk pembekalan, pemasangan, pengujian, latihan dan operasi sistem semasa Persidangan APEC 2000 nanti.

Projek tiga bulan ini dijangka siap pada penghujung bulan Ogos di mana kakitangan JTB akan diberi latihan supaya lebih berkeyakinan dalam menghadapi masalah terhadap sistem tersebut.

Oleh Abdullah Asgar

Utamakan pendidikan teknik dan vokasional

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 20 Julai. - Persidangan antarabangsa yang pertama mengenai Pendidikan Teknik dan Latihan dan Simposium APEC 2000 berakhir setelah diadakan selama tiga hari di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Acara kemuncak di hari penutup tersebut ialah membacakan laporan mengenai dengan persidangan berkenaan yang disampaikan oleh Pembantu Pengarah Teknikal Pendidikan, Dr. Azaharaini bin Haji Mohd. Jamil.

Dalam laporan tersebut, Dr. Azaharaini menjelaskan bahawa matlamat persidangan tersebut diadakan ialah untuk mengumpul dan menyediakan forum bagi pembuat dasar, pelatih, pemegang saham, usahawan penuntut supaya dapat berinteraksi mengenai perkara yang berkaitan dengan pendidikan teknik dan latihan terutama yang berhubung dengan teknologi maklumat (IT).

Tambahnya lagi, pendidikan teknik dan vokasional perlu diutamakan kerana ia diiktiraf secara universal kerana hubungan industri dan institusi vokasional perlu diselaras dalam semua aspek di dalam program vokasional.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Seramai 29 orang penceramah yang terlibat dengan persidangan tersebut menerima sijil masing-masing yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan disaksikan oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan serta orang-orang yang berhubung kait dengannya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha tertarik dengan hasil seni yang diperbuat dari bunga-bunga dan daun-daunan hidup tempatan di Pertunjukan Bunga-bunga Hidup serta Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - (Cerita lanjut di muka 1).



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan mengurniakan hadiah kepada salah seorang anak damit yang memenangi salah satu kategori Peraduan Kanak-kanak Sihat bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. (Cerita lanjut di muka 1).



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menyaksikan Pameran Bunga-bunga Hidup termasuk pameran landskap dari beberapa agensi kerajaan dan swasta di Pertunjukan Bunga-bunga Hidup serta Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.


Buku 'Time And The River' dilancarkan

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Ogos. - Buku yang bertajuk 'Time And The River' hasil tulisan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah dilancarkan perasmianya semalam oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah berkenan melancarkan buku bertajuk 'Time And The River' hasil tulisan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah. - Gambar oleh Amat HM.



BUKU 'Time And The River' hasil tulisan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah. - Gambar oleh Amat HM.

Zariah yang berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

Buku yang dilancarkan tersebut merupakan imbasan kenangan dan perasaan Duli Yang Teramat Mulia mengenai dengan pengalaman dan kenangan yang telah dilalui sewaktu di Kampong Ayer.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi selaku Timbalan Pengarah Eksekutif Kumpulan QAF Brunei ketika bersabda menjelaskan, pengalaman hidup dalam dua abad yang berbeza dan setelah melihat perubahan ekonomi dan politik dunia dan negara ini adalah tidak menghairankan jika Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berhasrat merakamkan kenangan dan aspirasi tersebut di dalam sebuah buku.

Sabda Yang Amat Mulia lagi, Asia Tenggara dan Negara Brunei Darussalam sejak 50 tahun lalu telah mengalami banyak perubahan dan kenangan ayahandanya telah banyak mencerminkan kepada reaksi pembangunan tersebut.

"Negara Brunei Darussalam ketika ini merupakan sebuah negara yang kuat, aman dan memainkan peranan penting di arena antarabangsa dan segala pencapaian tersebut amatlah membanggakan dan tidak harus diketepikan."

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Chateri Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Buku tersebut mengandungi lima bahagian yang antara lain mengisahkan zaman kehidupan orang-orang Brunei di Kampong Ayer dan tampuk pemerintahan dari keturunan asal Duli Yang Teramat Mulia di dalam memainkan peranan dalam membentuk kehidupan memperkembangkan perniagaan dan perniagaan serta pertumbuhan.

Kandungan buku itu menceritakan mengenai pertumbuhan negara ini sejak 1947 hingga hari ini, di samping menyentuh mengenai tahun-tahun yang dilalui oleh penulisnya.

Berangkat saksikan pameran bunga hidup

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 7 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam hari ini berkenan berangkat menyaksikan Pertunjukan Bunga-bunga Hidup serta Pameran Kebersihan dan Seni Landskap yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Keberangkatan DYT di sini dijunjung oleh ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam selaku pengelola pertunjukan yang diketuai oleh Penasihat WI, Datin Hajjah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Di pertunjukan ini DYT masing-masing diberikan sembah taklimat dari para peserta pertunjukan dan pameran yang memperlihatkan pelbagai jenis dan spesies bunga-bunga dari jenis pokok berbunga dan tidak berbunga.

Juga diperlihatkan di pertunjukan ini termasuklah foto-foto mengenai pokok buah-buahan asli Negara Brunei Darussalam, seni gubahan dari bahan-bahan bunga kering dari Jabatan Pertanian dan juga seni landskap.

Pertunjukan ini sebilangan besar disertai oleh para pengusaha tanaman bunga-bunga. Dengan adanya pertandingan bunga-bunga ini dapatlah menarik minat orang ramai terhadap landskap dan bunga-bunga hidup di samping memberi kesedaran pada orang ramai supaya akan sama-sama bertanggungjawab memelihara alam sekitar dan memastikan kawasan kampung dan perumahan sentiasa dijaga bersih, indah dan menarik untuk meningkatkan imej negara semasa tahun-tahun yang bersejarah ini.

Duli Yang Teramat Mulia semasa lawatan ini juga berkenan menerima beberapa pesambah berbentuk bunga daripada para pengusaha yang menyertai pertunjukan.

Dalam pada itu melalui Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap yang diadakan tahun ini, ahli-ahli jawatankuasa pengatur berharap ianya akan meningkatkan minat orang ramai kepada seni landskap dan bunga-bunga hidup dan kefahaman akan kebersihan serta kesejahteraan alam sekitar.

Antara tujuan tersebut ialah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai supaya sentiasa menjaga dan meningkatkan tahap kebersihan dan kecantikan di kawasan perumahan, persekitaran dan bangunan masing-masing.

KASIH SAYANG DAN PEMEDULIAN KUNCI KETEGUHAN RUMAH TANGGA

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان متري دان دجيتق اوله جباتن فرچيتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.